

DR.9.7.96

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 9hb. Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TARAF KEMISKINAN - KELAYAKAN MEMILIKI RUMAH MURAH

1. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan 'threshold' taraf kemiskinan dari pendapatan sebanyak RM500 sebulan untuk melayakkan lebih ramai golongan yang tidak berkemampuan mendapatkan bantuan kerajaan seperti rumah murah dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) untuk Semenanjung Malaysia ialah RM425 sebulan, bagi saiz isi rumah 4.6. Sementara di Sabah, nilai RM601 sebulan, bagi saiz isi rumah 4.9 dan di Sarawak RM516 sebulan, bagi saiz isi rumah 4.8. Ini dinaikkan jika dibandingkan pada tahun 1993 di mana PGK untuk Semenanjung Malaysia ialah RM405 dan RM582 untuk Sabah dan RM495 bagi Sarawak. PGK dikaji semula dari semasa ke semasa melalui kajian pendapatan isi rumah yang

mengambil kira faktor-faktor seperti bentuk dan sumber pendapatan isi rumah dan pola perbelanjaan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menganjurkan satu seminar pada 13hb. Julai ini mengenai kemiskinan di bandar dan satu perkara yang akan dibincang adalah mengenai kelemahan dan masalah bersabit dengan penentuan pendapatan garis kemiskinan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sedikit, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adakah kementerian mempunyai satu strategi atau pendekatan yang baru untuk membantu khususnya mereka yang termiskin ini? Adakah pendekatan baru atau strategi baru dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan datang?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai sama ada kita ada strategi baru dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Memang kita akan menyambung strategi-strategi yang lepas dan juga kita akan menggunakan pendekatan-pendekatan baru khususnya kepada 40 daerah rakyat termiskin di Semenanjung Malaysia dan untuk negeri Sabah dan Sarawak. Ditambah pula dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, penekanan juga akan diberi kepada mengatasi masalah kemiskinan di bandar. Oleh itu, kementerian membuat keputusan mengadakan satu seminar untuk membincangkan isu-isu

yang bersabit dengan masalah kemiskinan di bandar termasuk “apakah pendekatan baru yang kita harus ambil untuk mengatasi masalah kemiskinan di bandar?”

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pelancaran pelaksanaan PPRT yang telah dibuat oleh kementerian, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian berpuashati dengan peserta-peserta yang telah dikategorikan sebagai peserta-peserta PPRT kerana didapati rata-ratanya di seluruh tempat yang telah dikenal pasti peserta-peserta PPRT ini, terdapat di antara kes yang mana rumah-rumah yang diperuntukkan kepada peserta itu telah dijual apabila peserta PPRT itu telah naik taraf kehidupannya. Jadi, saya ingin bertanya adakah kementerian mengenal pasti daerah-daerah di mana terdapat rumah-rumah PPRT dijual dan adakah kementerian sedar bahawa rumah-rumah tersebut kadang-kadang dibina di atas tanah kerajaan sendiri?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, mengenai sama ada kita berpuashati dengan senarai peserta PPRT, memang kementerian sedar bahawa pelbagai masalah timbul mengenai pendaftaran peserta PPRT. Oleh yang demikian, baru-baru ini telah dijalankan satu gerakan di seluruh negara untuk mengkaji semula senarai-senarai tertentu untuk menentukan mereka yang masuk dalam senarai PPRT ini adalah benar-benar rakyat termiskin mengikut tafsiran kementerian.

Yang kedua, mengenai rumah PPRT dijual. Setakat sekarang kita belum sedar, tetapi kita minta kalau ada maklumat dari Yang Berhormat, sila majukan kepada kita. Tetapi ini mungkin satu petunjuk bahawa program PPRT kerajaan adalah berjaya kerana mereka mungkin mampu hendak beli rumah yang lebih besar kerana pendapatan sudah meningkat.

Mengenai rumah yang didirikan di atas tanah kerajaan, kita bergantung atas budi bicara ataupun cadangan dari pegawai-pegawai daerah. Jadi, masalah tanah kita percaya ia akan diselesaikan di peringkat pegawai daerah.

DOKTOR - LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

2. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di negara kita.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor adalah seperti berikut:-

- (i) menambahkan bilangan penuntut jurusan perubatan di universiti tempatan;
- (ii) menghantar pelajar mengikuti kursus-kursus perubatan di luar negara;

- (iii) menambahkan fakulti perubatan di universiti-universiti baru seperti di UNIMAS, UIA sebagai tambahan kepada fakulti perubatan yang telah wujud di UKM, UM dan USM;
- (iv) menggalakkan doktor untuk terus berkhidmat dengan kerajaan melalui kemudahan hadiah cuti belajar, memberi elaun bekerja di luar waktu biasa, elaun pakar, elaun on-call serta insentif-insentif lain seperti peluang menghadiri kursus atau seminar sama ada di dalam atau di luar negeri. Pegawai-pegawai perubatan juga kini berpeluang untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan dengan lebih awal melalui 'open system', dengan izin, yang akan dimulakan pada bulan Julai;
- (v) mengambil pegawai perubatan/pakar luar negeri berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia secara kontrak; dan
- (vi) mengambil semula pegawai perubatan/pakar yang telah bersara untuk berkhidmat secara kontrak.

Dalam pada itu, kementerian juga sedang berusaha untuk menggalakkan doktor-doktor warganegara yang berkhidmat di luar negara untuk kembali bertugas secara kontrak melalui tawaran emolumen yang lebih berpatutan dengan pengalaman masing-masing. Di samping itu, kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti mempercepatkan urusan kenaikan pangkat dan juga proses perlantikan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada langkah-langkah yang telah diambil termasuk menggalakkan doktor-doktor warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara, adakah Yang Berhormat sanggup membuat kajian ke atas sistem yang ada sekarang termasuk sistem perlantikan di semua hospital misalnya di Hospital Kuala Lumpur dan sebagainya dan doktor-doktor yang bekerja di klinik-klinik desa, di hospital-hospital yang kecil di kawasan-kawasan yang agak terpencil dan sebagainya? Sistem yang diadakan...*[Diganggu]* Ini memang penting Yang Berhormat kerana kebanyakan mereka bukan doktor dan tidak tahu. *[Disampuk]* Kalau tidak tahu, jangan bising!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat Kepong. Apa soalannya? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah tanya soalan. Cuma hendak melengkapkan soalan itu sahaja. *[Disampuk]* Saya ada tanya sama ada Yang Berhormat sanggup membuat kajian ke atas sistem yang ada sekarang untuk melantik doktor-doktor di merata tempat kerana wujudnya aduan mengenai ketidakadilan, pilih kasih dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana Tuan Yang di-Pertua, masalahnya macam ini. Ada setengah-setengah doktor berkhidmat di Hospital Kuala Lumpur tetapi tidak payah pergi ke mana-mana pun, duduk di situ, 'cokoh' di situ sepanjang

tahun. Ada setengah-setengahnya pergi ke kawasan yang terpencil. Bertahun-tahun tidak dapat balik ke pusat. Itu masalah!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Dan saya berharap Yang Berhormat...

[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat! Cukuplah! Sanggup atau tidak hendak buat itu?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebab kita sudah membuat kajianlah, maka kita telah melakukan segala-gala perubahan, membuat perubahan dasar polisi dan juga cuba mengelakkan masalah-masalah peninggalan doktor yang lari ke luar ke swasta (private), kecuali Yang Berhormat boleh tahan pertumbuhan perkhidmatan kesihatan di sektor swasta.

Kita tahu juga bahawa dalam menentukan keperluan perkhidmatan oleh pihak Medical Officer di peringkat wajib melalui compulsory service di dalam hospital kerajaan, ini sebenarnya merupakan satu blessing in disguise, dengan izin, kerana sedangkan tanpa compulsory service pun yang selalu Yang Berhormat laung-laungkan minta dikecualikan, keadaan kekurangan doktor itu sudah menjadi satu perkara yang bermasalah besar.

Tetapi, akibat daripada kerajaan masih lagi mengenakan compulsory service ini kepada para Medical Officer dan selepas tiga tahun, pihak kerajaan

telah memberi insentif yang lebih baik iaitu selepas dari tiga tahun pihak Medical Officer boleh diberi peluang untuk melanjutkan kursus ijazah lanjutan. Kalau dulu kursus ijazah lanjutan ini tersekat kerana mereka hanya boleh membuat kursus lanjutan ini selama tiga tahun dan tidak mengadakannya di hospital-hospital tetapi sekarang kita sudah melonggarkannya melalui open system di mana mereka dibenarkan sebagai salah satu insentif yang kita berikan untuk mengelakkan mereka daripada meninggalkan hospital kerajaan di mana mereka boleh terus mengikuti kursus lanjutan, specialist course dan masih lagi boleh bertugas di hospital-hospital sentra.

Jadi, kalau dikatakan bahawa kerajaan mengamalkan sikap pilih kasih, saya rasa semua hospital dan hospital daerah tidak dapat perkhidmatan doktor di pusat kesihatan kerana Yang Berhormat juga harus maklum bahawa yang boleh kita aturkan servis bagi MO ke luar bandar khususnya ke pusat kesihatan daerah atau pusat-pusat kesihatan yang besar di luar daripada bandar adalah mereka yang dari kalangan MO. Kerana selepas daripada tiga tahun, kebanyakannya mereka sama ada berhenti kerana itu merupakan pilihan (option) mereka ataupun mereka terus melanjutkan kursus yang mana merupakan satu dilema juga. Dari satu segi, kita mahu memberikan insentif kepada pegawai-pegawai MO ini tetapi dari satu segi yang lain kita tidak boleh menyekat....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat, beri dia jawab Yang Berhormat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Dengarlah saya dulu Yang Berhormat, sebab ini saya ceritakan masalahnya, kerana kita kena tahu masalah yang berlaku yang kementerian hadapi. Sebab itulah apabila perkara ini berlaku di mana di akhir tiga tahun, kita tidak boleh menyekat mereka dari untuk memindah-mindahkan atau memaksa mereka ke tempat lain kecuali ada cara mereka dapat ditukarkan kerana bukan hanya kerajaan dihadkan, ada constraint dari segi bekalan tenaga pekerja tetapi apabila kekosongan berlaku dan penentuan harus dibuatkan oleh kerajaan, keutamaan haruslah diberi kepada hospital-hospital yang menyediakan rawatan komprehensif di tahap tinggi atau merawat penyakit-penyakit kritikal.

Jadi, di pusat-pusat kesihatan, kemudahannya adalah terbatas. Sebab itulah memadai apabila pusat-pusat kesihatan ini dilengkapi dengan MO dan perkhidmatan support staff mengikut kepada kadar yang ada pada hari ini iaitu ratio perkhidmatan doktor kepada facility yang ada di peringkat hospital-hospital dan juga ratio perkhidmatan doktor dengan kemudahan-kemudahan yang ada seperti berapa katil dan sebagainya.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bahawa adakah Yang Berhormat sedar kerana kekurangan doktor, kebanyakan atau beberapa pusat kesihatan yang besar di luar bandar diuruskan oleh Medical Assistant (MA) sahaja? Saya ingin tahu sama ada kursus istimewa atau elaun yang sewajarnya diberi kepada MA-MA tersebut?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, peluang latihan memanglah kita panjangkan juga kepada MA di bawah peluang yang diberikan kepada allied services tetapi kalau dikatakan bahawa kita hanya memberi tumpuan peluang latihan kepada para doktor, itu tidak benar. Kerana sekarang ini, kerajaan melalui satu akta, Allied Medical Service, dengan izin, yang akan diperkenalkan akan mengambil kira dan mengiktiraf taraf service para MA ini untuk dibolehkan mereka mendapat peluasan dari segi skop tangga gaji dan peluang mobiliti dalam kerjaya mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman

tidak hadir]

RUMAH GURU KEKURANGAN - PERUNTUKAN KILAT BAGI MENGATASI

4. Tuan Asmat Nungka [Beluran] minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan kebanyakan sekolah luar bandar tidak mempunyai rumah guru dan bilik darjah yang mencukupi, supaya diadakan peruntukan kilat bagi mengatasi kekurangan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini memang menyedari mengenai masalah kekurangan rumah guru dan bilik darjah. Sehubungan dengan itu, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan telah merancang untuk membina rumah guru di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai amat kritikal, kritikal dan tidak kritikal di seluruh negara.

Manakala sebanyak 1,314 projek yang meliputi projek pembinaan sekolah baru tambahan dan gantian bilik darjah telah dipohon untuk tujuan ini. Sekiranya diluluskan, ianya akan dapat mengatasi sebahagian dari masalah berkenaan. Usaha ini dijalankan secara berterusan. Dengan itu tidak timbul soal peruntukan kilat seperti yang dimaksudkan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sering mendengar bahawa guru-guru tidak begitu berminat untuk bertugas di luar bandar kerana kekurangan kemudahan-kemudahan seperti tempat tinggal dan sebagainya. Jadi, sama ada Kementerian Pendidikan bercadang untuk menggalakkan supaya guru-guru juga berminat untuk bertugas di sekolah-sekolah luar bandar, sama ada Kementerian Pendidikan bercadang untuk memberikan elaun khas kepada mereka.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah atau insentif yang Kementerian Pendidikan boleh untuk menggalakkan guru-guru berkhidmat di luar bandar termasuklah pembinaan kompleks rumah-rumah guru, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Rancangan Felda dan sebagainya di mana kalau tidak ada rumah-rumah guru seperti ini, mereka tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk diduduki.

Selain dari itu juga, antara syarat-syarat yang diletakkan oleh Kementerian Pendidikan untuk guru-guru yang dinaikkan pangkat sebagai guru pakar ialah mereka harus bersetuju berkhidmat di sekolah-sekolah yang

dianggap memerlukan perkhidmatan mereka, khususnya sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kita melihat masalah dan penempatan pengaliran guru-guru ke kawasan luar bandar, soal perumahan sentiasa menjadi masalah kepada kementerian dan Pejabat Pendidikan Negeri. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, adakah cadangan untuk kementerian membeli rumah-rumah kawasan-kawasan taman perumahan untuk dijadikan tempat kediaman guru-guru di sesuatu kawasan itu di samping untuk mengatasi masalah penempatan guru-guru, dan guru-guru dapat didedahkan dengan masyarakat setempat kerana perumahan adalah sebagai faktor penentu kepada pengaliran dan penempatan guru-guru juga. Disamping itu Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sedar bahawa masalah suami ataupun isteri yang bekerja di tempat yang berlainan juga menyebabkan guru-guru gagal untuk dipindahkan ke sekolah-sekolah yang diarahkan.

Jadi, adakah cadangan kementerian untuk mengeluarkan dasar di mana guru sesama guru tidak boleh berkahwin? Apabila guru sesama guru berkahwin, jadi ada masalah - isteri mengajar di sana dan suami pula mengajar di sini? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada masalah tak? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama tentang kompleks rumah guru di kawasan-kawasan baru, Kementerian Pendidikan memang ada rancangan untuk berbincang dengan pemaju-pemaju kawasan perumahan baru supaya sebahagian rumah yang dibina boleh disewa atau dikhaskan sebagai kompleks guru berdekatan dengan kawasan-kawasan yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan untuk membina sekolah. Selain dari itu juga, kita menggalakkan penglibatan sektor-sektor swasta dalam tujuan untuk mempercepatkan proses pembinaan kompleks rumah guru.

Tentang soalan kedua sama ada Kementerian Pendidikan ada dasar, memang dari segi prinsipnya, kita tidak boleh menghalang guru-guru berkahwin kerana ini adalah hak kemanusiaan mereka dan Kementerian Pendidikan memang mahu guru-guru kita mempunyai pengalaman dalam hal-hal penjagaan keluarga, kalau tidak, bagaimana mereka akan menjaga anak-anak yang lain itu?

Jadi, dari segi prinsip, memang kita izinkan pertukaran guru-guru untuk tujuan mengikut suami atau sebaliknya. Tetapi ada kes-kes tertentu di mana guru-guru ini menghadapi kesulitan sedikit kerana mereka harus menunggu dua, tiga atau empat bulan sebelum ada kekosongan jawatan berdekatan dengan kawasan suami atau isteri mereka mengajar.

BAHASA MALAYSIA DI PAPAN IKLAN - JUMLAH KES PENYALAHGUNAAN DIBAWA KE MAHKAMAH

5. Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyak kes berkaitan penyalahgunaan Bahasa Malaysia di papan iklan bagi kawasan penguasa tempatan seluruh negara telah dibawa ke mahkamah sejak tahun 1990.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyimpan rekod mengenai kes penyalahgunaan Bahasa Malaysia di papan-papan iklan di kawasan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara. Justeru itu, saya tidak dapat menyatakan di sini tentang jumlah kes-kes berkenaan yang telah dibawa ke mahkamah setakat ini.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila disebut berkenaan penyalahgunaan bahasa di papan iklan ini, persoalan saya ialah, penggunaan bahasa ini bukan terdapat di papan-papan tanda sahaja, malahan juga terdapat di dalam iklan di dinding-dinding bas. Adakah kementerian Yang Berhormat sedar perkara ini dan apakah tindakan sewajarnya yang patut diambil terhadap mereka kerana didapati penyalahgunaan bahasa di dalam iklan ini lebih teruk di dinding-dinding bas dan sebagainya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undnag Kecil Papan Iklan yang disebutkan di sini ialah mengenai papan iklan yang dipamerkan oleh syarikat dan sebagainya dan tidak termasuk iklan-iklan yang lain seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu di tepi bas atau di lain-lain tempat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sama ada pihak berkuasa tempatan menyemak isi kandungan papan iklan dan memastikan Bahasa Malaysia atau lain-lain bahasa adalah tepat dan betul sebelum lesen dikeluarkan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu usaha yang patut dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan semasa mereka meluluskan lesen. Apabila sesuatu pihak hendak mengadakan satu papan iklan, mereka perlu meminta lesen dan apabila pihak berkuasa tempatan hendak meluluskan lesen itu, ia hendaklah memeriksa sama ada bahasa yang digunakan itu adalah betul atau salah dan bagaimana cara untuk mengadakan papan iklan itu iaitu macam mana besar huruf itu di dalam Bahasa Malaysia berbanding dengan huruf di dalam lain-lain bahasa.

BARANG TERKAWAL - LANGKAH MENGATASI KENAIKAN HARGA

6. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejak tahun 1995, apakah kadar kenaikan harga semua barang terkawal seperti tepung gandum, beras dan minyak masak serta tarif utiliti seumpama tol jalan, telefon dan elektrik. Bagaimana kempen inflasi sifar dapat mengatasi kenaikan harga barang-barang tersebut.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' Dr. Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, harga semua barangan kawalan seperti gula, besi keluli, bahan-bahan keluaran

petroleum dan roti adalah stabil sepanjang tahun 1995 kecuali harga tepung gandum dan simen yang mengalami kenaikan.

Harga simen telah dinaikkan sebanyak 10% mulai bulan Ogos 1995 manakala harga tepung gandum pula dinaikkan sebanyak 37% mulai bulan Jun 1996 iaitu daripada 80 sen sekilogram kepada RM1.10 sekilogram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, harga beras Premium dan Standard tidak mengalami kenaikan kerana kedua-dua jenis beras tersebut dikawal di bawah Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) 1992 yang berkuatkuasa pada 1.1.1993 di bawah Kementerian Pertanian.

Harga bagi beras Gred Super adalah ditentukan oleh pasaran terbuka serta berdasarkan kepada kandungan hancur yang terdapat dalam beras tersebut dan kualitinya. Oleh itu, kadar kenaikan harga beras ini tidak dapat dipastikan.

Mengenai kadar tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan, kadarnya tidak berubah semenjak tahun 1995, manakala kadar tarif utiliti seperti telefon dan elektrik ditentukan berasaskan kos pengeluaran perkhidmatan dan mengambil kira semua opsyen yang terdapat. Kadar tarif telefon yang dikuatkuasakan pada 1.6.1996 adalah merupakan proses perseimbangan di antara tarif tempatan dengan tarif sambung jauh dan antarabangsa. Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab sentiasa mengawasi kenaikan kadar bagi perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan utama Kempen Inflasi Sifar adalah merupakan satu pendidikan kesedaran kepada para pengguna terhadap keburukan inflasi dan juga untuk mengekalkan kos sara hidup di peringkat asas, iaitu bagi golongan yang berpendapatan RM1,500 ke bawah sebulan. Pencapaian Kempen Inflasi Sifar merupakan satu perancangan jangka panjang yang memerlukan kesedaran semua pihak sama ada pengguna ataupun peniaga. Memang terdapat perubahan harga pada beberapa barangan dan perkhidmatan keperluan asas, tetapi dalam jangka masa panjang harga barangan tersebut masih stabil. Kejayaan kempen ini banyak bergantung kepada kerjasama semua pihak sama ada kerajaan, para peniaga, pengguna dan juga media masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sedar bahawa Kempen Inflasi Sifar memang untuk jangka panjang dan pihak kementeriannya sudah membuat beberapa usaha dan langkah ke arah itu, tetapi kita nampak koordinasi di antara kementerian kurang - tidak begitu memuaskan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada harga yang ditetapkan oleh kementeriannya, kadangkala kalau kita pergi ke pasar, kita nampak misalnya harga sayur-sayuran, daging dan sebagainya memang meningkat pada kadar 20%, 30% ataupun lebih? Apakah masalahnya sekarang ataupun indeks yang digunakan oleh kementeriannya tidak membayangkan keadaan yang sebenarnya, kerana kalau Tuan Yang di-Pertua pergi pun nampak

sangat, kalau di sebelah situ [*Ahli-ahli Barisan Nasional*] ganggu pun tidak patutlah, kerana tiap-tiap orang pun mengalami masalah juga?

Beberapa Ahli: Soalan! soalan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itu sudah ditanya.

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah ditanya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita akan cuba

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat dari Kepong - cukuplah.

Beberapa Ahli: Duduklah!

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma Yang Berhormat Menteri ini memang dia berusaha, tetapi dia hendak maklumat, saya hendak memberi maklumat di sini....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat ya.

Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sebentar tadi mengatakan berkenaan dengan masalah koordinasi di antara kementerian, tetapi beliau sebut pula harga sayur-sayuran,

daging dan lain-lainnya di pasaran tidak sama sepertimana yang disiarkan di dalam televisyen dan juga akhbar.

Yang sebenarnya harga barangan yang dipamerkan di dalam televisyen ataupun akhbar-akhbar telah dipungut oleh kementerian di ibu-ibu negeri di seluruh negara. Ini adalah merupakan harga purata pada satu masa. Jadi, sekiranya didapati ada perbezaan daripada harga yang telah dinyatakan dengan harga yang sebenarnya di pasaran, itu adalah berdasarkan kepada keadaan di waktu yang berkenaan di pasar tersebut. Mungkin harga di pasar Kepong berbeza dengan pasar Chow Kit, Chow Kit beza dengan Pudu, Pudu beza dengan Kelang dan Kelang beza dengan Alor Setar. Ini adalah satu realiti berdasarkan kepada permintaan dan juga berdasarkan kepada kawasan, jadi oleh itu tidaklah boleh dikatakan semua harga daging ataupun ikan mesti sama di seluruh negara. Kalau DAP boleh buat, saya tidak tahulah!

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati harga tepung dinaikkan, tetapi rakyat tidak begitu mengeluh kerana didapati banyak bekalan, bukan sahaja harga tepung naik, barangkali rawatan sakit kulit pun sudah naik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tepung ada dalam negara kita, tetapi didapati ada kegiatan untuk membawa keluar tepung ini dari Malaysia sama ada secara sah ataupun tidak sah terutama sekali di negeri-negeri sempadan. Jadi,

apakah langkah kerajaan untuk memastikan bahawa bekalan tepung dalam negara ini tidak dialirkan keluar?

Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan masalah penyeludupan ataupun pengeluaran tepung daripada negara ini ke negara luar. Memang kita tahu bahawa ada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan oleh kerana harga tepung di negara ini RM1.10 sen sekilogram adalah lebih murah jika dibandingkan dengan harga di negeri Siam sebanyak \$1.38 sen ataupun Singapura \$1.60 sen satu kilogram. Oleh itu, memang ada pihak-pihak yang cuba menyeludup tepung keluar daripada negara ini kepada negara-negara jiran. Jadi, pemeriksaan dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian setiap masa di bawah operasi yang digelar 'Ops Gandum'.

Sehingga 8.7.1996 sebanyak 10,514 pemeriksaan telah diperbuat dan nilai rampasan dari segi tepung gandum adalah sebanyak RM40,690.20 sen. Ini kita akan pertingkatkan, terutama sekali di kawasan-kawasan berhampiran dengan sempadan dan kita juga akan menyemak bahawa jika kilang-kilang memberikan tepung gandum yang berlebihan pada pemborong-pemborong di sebelah utara, yang mungkin tidak diperlukan oleh negeri-negeri seperti Perlis, Kedah dan lainnya, kita akan minta kilang yang berkenaan mengurangkan bekalan kepada pemborong-pemborong yang berkenaan kerana pemborong-pemborong tidak dibenarkan mengeksport tepung gandum. Yang dibenarkan

ialah kilang-kilang jika ada kontrak jangka panjang oleh kilang-kilang yang berkenaan.

SAMSENG JALAN RAYA - CADANGAN MEMINDA AKTA

7. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk meminda akta-akta jalan raya untuk meningkatkan hukuman lebih berat bagi membanteras gejala “Samseng Jalan Raya” kerana kejadian tersebut semakin berleluasa kebelakangannya, jika ya, bila. Jika tidak mengapa dan adakah kementerian bercadang mengubahsuaikan undang-undang di mana samseng jalan raya, jika disabit salah, akan bertanggungjawab segala perbelanjaan perubatan dan kehidupan harian dalam masa seumur hidup mangsanya.

51. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan menggubal suatu akta/undang-undang untuk menghukum pesalah-pesalah samseng atau pembuli jalan yang telah dihebohkan.

10 Julai 1996

60. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** Menteri Pengangkutan memberikan perangkaan di seluruh negara, mengikut pecahan negeri, mengenai kejadian-kejadian yang melibatkan samseng jalan raya (road bully) sejak Januari hingga Jun tahun ini dan sama ada kementerian bersetuju dengan pendapat umum bahawa hukuman yang lebih berat, termasuk penggantungan lesen memandu, perlu dikenakan ke atas orang-orang yang didapati bersalah melakukan jenayah berkenaan.

69. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) memandangkan semakin berleluasa kejadian keganasan samseng jalan raya (road bullies), adakah ini bermakna undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi untuk menakutkan bakal samseng-samseng jalan raya daripada berkelakuan ganas. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil; dan

- (b) adakah kerajaan bercadang untuk memberatkan hukuman ke atas mereka yang didapati bersalah kerana berkelakuan sedemikian, umpamanya hukuman penjara mandatori.

16 Julai 1996

19. Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah gejala “Samseng Jalan Raya” yang sentiasa berlaku dalam negara kita; dan:

- (a) mengapa undang-undang jalan raya yang sedia ada kurang berkesan terhadap ‘Samseng Jalan Raya’ yang semakin berleluasa; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk mengubahsuaikan akta-akta jalan raya yang sedia ada supaya kejadian tersebut dapat dibanteraskan.

17 Julai 1996

42. Puan Rohani binti Abd Karim [Santubong] minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah samseng jalan yang telah terjadi dengan berleluasa khususnya di jalan raya di Bandaraya Kuala Lumpur dan di sepanjang ‘highway’ di negara ini.

18 Julai 1996

49. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] minta Menteri Pengangkutan menyatakan atas langkah-langkah yang diambil oleh kementeriannya untuk memberkas samseng-samseng jalan raya yang semakin meningkat di jalan-jalan raya di Malaysia.

58. Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Pengangkutan menyatakan strategi-strategi yang akan diambil untuk membendung semakin berleluasanya keganasan yang berlaku di jalan raya. Apakah undang-undang baru akan digubal untuk mengatasi masalah ini. Setakat ini berapakah kes keganasan yang dilaporkan sejak tahun 1990.

23 Julai 1996

20. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang tegas akan diambil oleh kementeriannya terhadap samseng jalan raya yang baru-baru ini telah melakukan keganasan sehinggakan pengguna-pengguna jalan raya yang lain dcederakan; dan
- (b) apakah langkah-langkah akan diambil untuk memastikan jalan-jalan raya dibina dengan sistem lalu-lintas yang baik supaya mengurangkan kesesakan jalan raya yang juga menyebabkan pemandu-pemandu hilang kesabarannya sehinggakan keganasan berlaku atas jalan raya.

24 Julai 1996

13. Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa kes-kes kemalangan jalan raya yang terlibat lori dan bas adalah semakin bertambah oleh kerana kenderaan tersebut membawa barangan lebih daripada had berat atau berjalan melebihi had laju:

- (a) apakah rancangan kementerian untuk mengurangkan kes-kes kemalangan tersebut; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan lampu "speed limit device" ke atas setiap kenderaan tersebut. Jika tidak, mengapa.

53. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) memandangkan peningkatan kes-kes buli jalan raya yang disiarkan dalam akhbar, apakah kementerian akan membuat satu penyelidikan yang teliti akan punca-punca fenomena yang tidak sihat ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengurangkan dan/atau menghapuskan fenomena ini sebagai contoh, menggantungkan dan/atau membatalkan lesen-lesen buli jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.

Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan telah menerima sebanyak 11 soalan yang berkaitan isu keganasan jalan raya ataupun dengan izin, road bullies. Oleh yang demikian, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak dengan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

1. Yang Berhormat dari Bukit Bintang - 9 Julai 1996
2. Yang Berhormat dari Parit Buntar - 10 Julai 1996
3. Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara - 10 Julai 1996
4. Yang Berhormat dari Batu Gajah - 16 Julai 1996
5. Yang Berhormat dari Santubong - 17 Julai 1996
6. Yang Berhormat dari Jelutong - 18 Julai 1996
7. Yang Berhormat dari Tawau - 18 Julai 1996
8. Yang Berhormat dari Bukit Mertajam - 23 Julai 1996
9. Yang Berhormat dari Ipoh Barat - 24 Julai 1996
10. Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan - 24 Julai 1996

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah memandang berat berhubung dengan kejadian keganasan di jalan raya di negara ini. Keganasan sedemikian, jika melibatkan kecederaan yang teruk ke atas lain-lain pengguna jalan raya

adalah satu kesalahan jenayah. Dengan yang demikian, adalah lebih wajar kesalahan ini dihukum dengan menggunakan kanun keseksaan.

Di bawah Seksyen 326 kanun berkenaan seseorang pesalah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda atau dikenakan sebatan jika sabit dengan kesalahan tersebut.

Akta Pengangkutan Jalan 1987 pula mengikut peruntukan Seksyen 31(1)(a) memperuntukkan mana-mana mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah berkaitan dengan pemanduan sesuatu kenderaan boleh memerintahkan supaya seseorang itu dihilangkan kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi seumur hidup atau selama tempoh yang difikirkan patut oleh mahkamah. Dengan demikian, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan peruntukan undang-undang dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkaitan dengan isu keganasan di jalan raya. Ini adalah kerana undang-undang yang ada didapati boleh mengatasi dalam menghadapi isu ini.

Bagi mengatasi gejala keganasan jalan raya ini supaya tidak berleluasa, maka mangsa-mangsa yang terlibat hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada pihak berkuasa untuk tindakan sewajarnya.

Berhubung dengan persoalan punca berlakunya keganasan di jalan raya dan mengapa undang-undang jalan raya kurang berkesan dalam menangani gejala samseng jalan raya, adalah dimaklumkan bahawa undang-undang jalan

raya digubal dan dikuatkuasakan adalah bertujuan untuk menguruskan dan mengawalselia pergerakan lalu lintas di samping mendisiplinkan pengguna-pengguna jalan raya dan pada masa yang sama untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Wujudnya gejala samseng jalan raya bukanlah kerana kurang berkesannya undang-undang jalan raya tetapi adalah disebabkan, antara lain, oleh kurangnya disiplin, kesopanan dan kesabaran serta sikap tolak ansur di kalangan sebilangan pemandu kenderaan. Akibat daripada sikap ini, kadangkala berlakulah pertengkaran di kalangan mereka yang tidak berpuashati dengan tingkahlaku pemandu-pemandu lain dan seterusnya yang boleh membawa kepada kecederaan.

Oleh yang demikian, selain daripada mengenakan hukuman yang berat terhadap mereka yang terlibat dengan keganasan di jalan raya, kerajaan juga bercadang untuk memperkenalkan lesen memandu percubaan di mana seseorang yang baru lulus ujian memandu akan disyaratkan untuk berada dalam tahap percubaan selama dua tahun sebelum diberikan lesen memandu kompeten. Kerajaan berharap dalam masa percubaan ini seseorang pemandu baru akan dapat meningkatkan tahap kecekapan memandu; mempraktikkan sikap bertolak ansur, sabar serta berdisiplin; dan tabiat-tabiat yang baik tersebut akan dapat dikekalkan ketika berada di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan mengenai keganasan di jalan raya bagi semua negeri sepanjang tahun 1995 dan bagi tempoh lima bulan tahun 1996 adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan Kes Bagi tahun 1995	Bilangan kes bagi tahun 1996 (Sehingga bulan Mei)
Perlis	-	-
Kedah	1	-
Pulau Pinang	17	5
Perak	4	-
Selangor	64	25
Kuala Lumpur	66	26
Negeri Sembilan	2	-
Melaka	17	11
Johor	30	11
Pahang	-	-
Terengganu	-	-
Kelantan	-	-
Sabah	3	2
Sarawak	-	-
JUMLAH	204	80

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana gejala samseng di jalan raya adalah satu fenomena yang dipandang berat oleh semua pihak, maka Kementerian Pengangkutan sememangnya memberi perhatian khusus kepada fenomena ini. Tindakan-tindakan yang akan diambil ialah dengan mengadakan sesi-sesi perbincangan dengan pihak-pihak yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam perkara ini dan adalah diharapkan hasil daripada perbincangan tersebut

akan dapat membantu kementerian untuk merangka program dan tindakan seterusnya. Perbincangan yang akan diadakan ialah pada 19hb. Julai yang mana akan dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan sesuatu jalan raya yang dibina tidak mendatangkan kesesakan kepada pengguna-penggunanya, kerajaan telah pun mengadakan beberapa langkah, antaranya adalah seperti berikut:-

Bagi Kawasan Bandar:

- (i) Penekanan akan diberikan untuk menaikkan mutu perkhidmatan dan operasi perkhidmatan awam bagi menggalakkan 'Modal Shift', dengan izin, dari penggunaan kenderaan persendirian kepada kenderaan perkhidmatan awam. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan beban dan permintaan lalu lintas jalan-jalan dalam kawasan bandar.
- (ii) Sistem pengurusan lalu lintas yang berkesan akan turut diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan jalan dalam bandar. Tumpuan juga akan diberikan kepada sistem penyuraian lalu lintas atau traffic dispersal, dengan izin, melalui pembinaan jalan pintas dan

jalan lingkaran serta menaikkan taraf persimpangan yang sedia ada.

- (iii) Bagi tempoh jangka panjang, mewujudkan sistem kawalan lalu lintas atau “Traffic Surveillance System”, dengan izin, yang mana maklumat mengenai kesesakan jalan raya akan disampaikan kepada pengguna melalui media massa dari semasa ke semasa bagi mengelakkan pengguna terperangkap di dalam kesesakan lalu lintas.

Bagi kawasan luar bandar pula, kerajaan sentiasa menambah rangkaian jalan raya dan menaikkan taraf jalan-jalan sedia ada ke tahap piawaian reka bentuk dan kapasiti yang lebih tinggi bagi menjamin keselesaan pengguna dan meningkatkan tahap keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan kejadian samseng di jalan raya ini agak jauh berbeza di antara negeri-negeri yang kurang sesak jalan raya dengan negeri-negeri yang begitu mengalami kesesakan jalan raya, maka saya ingin mendapatkan penjelasan adakah pihak kementerian Yang Berhormat telah membuat kajian punca-punca sebenarnya yang boleh berlakunya kejadian samseng di jalan raya ini.

Adakah ini disebabkan satu kejadian yang dilakukan oleh sindiket yang memang sengaja mereka rancang untuk melakukan kejadian samseng ini

ataupun kejadian secara *ad-hoc* sahaja kerana alam persekitaran sekelilingnya yang menyebabkan mereka ini bertindak ganas sehingga berlakunya kejadian yang tidak diinginkan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, daripada pemerhatian kementerian, di dapati kebanyakan kes-kes samseng jalan raya adalah kerana kurang sabarnya pemandu-pemandu yang terlibat sama ada yang memulakan ataupun yang mengikuti perbuatan pemandu yang pertama. Bukan kerana terdapatnya sindiket yang telah dirancang. Ini adalah dari pemerhatian yang telah kita lihat pada masa yang lepas.

Untuk mengkaji dengan lebih mendalam sebab-sebab 'road bully' ini berlaku dengan bertambah pada setiap tahun, maka pada 19hb. ini satu brainstorming akan diadakan dengan pakar-pakar psikologi dan juga pakar-pakar jalan raya dan juga pihak polis yang telah dapat mengesan semua kes yang telah saya sebutkan sebentar tadi dan kita akan menganalisa satu persatu mengapakah kes-kes ini berlaku, puncanya dan jenis orang yang terlibat dan mengapa pergaduhan boleh berlaku.

Setelah brainstorming ini dilakukan kami percaya akan dapat gambaran yang lebih jelas terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena. Dia boleh bercakap, maka dia gelaklah itu. [*Ketawa*]

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, sebelum perkara ini terlanjur. Perkataan samseng jalan raya ini, mengikut jawapan Timbalan Menteri tadi,

yang amat mengelirukan ialah dalam keganasan dia ada sebut ‘pergaduhan dan samseng jalan raya’. Saya minta perkara ini mesti dikaji dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebab samseng jalan raya adalah simpulan bahasa - “orang-orang yang bawa kereta dia tidak peduli orang lain” - itu samseng jalan raya. Orang-orang yang tumbuk dan tikam orang di jalan raya ialah pergaduhan di atas jalan raya ataupun keganasan di jalan raya.

Jadi, supaya perkara ini tidak keliru dari segi undang-undang saya minta supaya kementerian ini mengkaji betul-betul supaya tidak timbul kes di dalam mahkamah tidak lama lagi, sebab samseng jalan raya ialah ‘orang yang membawa kereta tetapi dia tidak melanggar sesiapa, tetapi dia peduli orang, dia ‘corner’ cepat begitu-begitu “lok lak” orang Kedah kata - itulah samseng jalan raya. Tetapi baru-baru ini yang tikam orang di Gombak atau Setapak, itu pergaduhan di jalan raya. Bagaimana Jelutong - dia lawyer, tidak lama lagi dia bawa kes ini boleh terlepas. *[Ketawa]* Ini yang saya hendak minta penjelasan supaya kementerian ini buat betul-betul, semak dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, betulkah perkataan itu? Sebab surat khabar dok kata “samseng jalan raya’. Sebenarnya bukan samseng jalan raya, tetapi pergaduhan di jalan raya. Minta kementerian beri penjelasan.

Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, bagi kementerian, pada ketika ini kita menganggap samseng dan juga keganasan jalan raya itu sebagai sama. Samseng ini diambil daripada peribahasa ataupun

budaya orang-orang Tionghua. Saya ingat Yang Berhormat dari Kepong mungkin lebih faham. Ungku Aziz telah pun menjelaskan pengertian samseng di dalam TV dan mungkin tidak perlu lagi saya menghuraikan, dan dalam bahasa Malaysia kita menggunakan perkataan keganasan. Oleh kerana itulah dalam dua perkara ini kita menganggapnya serupa.

Berkaitan dengan mereka yang mengganggu lalu lintas yang lain, oleh kerana mereka tidak melibatkan pergaduhan dan juga pukul-memukul dan tikam-menikam, itu kita tidak masukkan dalam kaedah samseng dan juga keganasan. Walau bagaimanapun, jika ada pakar-pakar bahasa dari Dewan Bahasa, misalnya, ingin mentafsirkan perkara ini, kementerian sedia menerima.

MENUNAIKAN FARDHU HAJI - PENGELUARAN WANG CARUMAN KWSP

8. Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing] minta Menteri Kewangan menyatakan;

- (a) bilakah pencarum KWSP akan diberikan mengeluarkan caruman untuk menunaikan fardhu haji memandangkan ia merupakan tuntutan Rukun Islam Ke-5; dan
- (b) langkah untuk membolehkan para pencarum mengeluarkan zakat atas caruman KWSP masing-masing tanpa perlu menunggu selepas persaraan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pencarum KWSP tidak dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan untuk menunaikan fardhu haji daripada caruman ahli kerana simpanan KWSP adalah untuk hari persaraan ahli itu.

KWSP buat masa ini tidak dibenarkan mengeluarkan zakat daripada caruman ahli kerana Akta KWSP 1991 tidak memperuntukkan pengeluaran simpanan KWSP bagi tujuan tersebut. KWSP pernah memohon fatwa dari Bahagian Hal Ehwal Islam, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri yang telah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia sama ada simpanan KWSP ahli-ahli beragama Islam dikenakan zakat tetapi setakat ini keputusan muktamad mengenai perkara tersebut masih belum dapat dibuat.

Tugas dan tanggungjawab berkaitan zakat ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Bagi beberapa negeri seperti negeri Kedah yang mewajibkan pembayaran zakat ke atas simpanan KWSP, bayaran zakat tersebut dibayar oleh ahli dengan wang sendiri dan tidak dikeluarkan daripada simpanan KWSPnya. Di samping itu, terdapat beberapa orang ahli KWSP yang meminta KWSP memaklumkan jumlah caruman mereka dan caruman majikan bagi membolehkan mereka mengira jumlah zakat yang perlu mereka bayar ke atas caruman tersebut.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apakah betul sehingga sekarang ini, wang KWSP masih banyak dilaburkan kepada institusi-institusi yang tidak halal dari segi agama. Kalaupun isu ini benar, apakah hasrat kerajaan untuk menyelaraskan, terutama wang-

wang kepunyaan orang-orang Islam supaya hanya dilaburkan kepada institusi-institusi yang dihalalkan sahaja?.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat tadi adalah tidak betul. Sebenarnya KWSP melaburkan, misalannya, di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur hanya melaburkan di dalam kaunter-kaunter yang telah dipastikan sebagai kaunter yang tidak mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan yang dilarang oleh syarak. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbanglah. Segala pelaburan yang dibuat oleh KWSP itu adalah ke dalam kaunter yang halal.

PASPORT ANTARABANGSA - SEBAB PENAHANAN

9. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab yang membolehkan pihak berkuasa menahan Pasport Antarabangsa seseorang warganegara Malaysia, tempoh penahanannya dan syarat-syarat penyerahan kembali.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab yang membolehkan pihak berkuasa menahan pasport antarabangsa ialah apabila pemiliknya didapati terlibat dengan kesalahan-kesalahan seperti berikut:

- (i) terlibat dengan kegiatan jenayah yang boleh mengancam negara sekiranya dibenarkan keluar negeri;
- (ii) pernah diambil tindakan kerana terlibat dengan kesalahan yang berkaitan dengan ketenteraman dan keselamatan awam

misalnya pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri;

- (iii) merosakkan pasport dengan sengaja;
- (iv) melawat Israel tanpa kebenaran khas dari kerajaan;
- (v) terlibat dengan kesalahan dan perilaku yang boleh menjejaskan imej negara misalnya pernah dipenjara di luar negeri kerana kesalahan mengedah dadah, menipu atau melacur; dan
- (vi) didapati muflis (bankrap)

Tempoh tahanan pasport berkenaan adalah bergantung kepada jenis kesalahan-keslaahan yang telah dilakukan yang lazimnya antara 2-10 tahun. Pasport berkenaan boleh diserahkan kembali kepada pemiliknya apabila tempoh tahanan yang ditetapkan luput.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pernah dilaporkan di media massa bahawa seorang yang bernama Tunku Abdullah melawat Israel dan pasport antarabangsanya ditahan tetapi kemudian dikembalikan semula. Apakah alasan ianya dikembalikan semula?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa pihak imigresen tidak pilih bulu, walaupun ia “tengku” atau berpangkat, kita terpaksa panggil dia. Namun begitu, sepertimana yang saya katakan tadi, tahanan pasport berkenaan adalah bergantung kepada jenis kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan yang lazimnya antara 2 hingga 10 tahun, tetapi yang tidak lazimnya, setelah kita menggunakan budi bicara,

setelah kita temuduga, bahawa kesalahan dilakukan secara teknik, kita serahkan kembali pasport pihak yang berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa yang lalu, ada beribu-ribu pasport di mana tuan punya pasport telah bekerja di Taiwan dan apabila mereka balik, pasport-pasport mereka ditahan. Saya ingin bertanya di sini, sama ada pasport orang-orang yang bekerja di Taiwan telah dikembalikan kepada tuan punya? Adakah semua sudah diberi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, ramai rakyat kita telah pergi ke Taiwan, terutama ketika ekonomi negara tidak berapa baik dahulu. Mereka telah bekerja di Taiwan tanpa permit kerja yang sah. Bagi mereka yang ditangkap oleh pihak berkuasa Taiwan dan telah pun di denda atau di penjara atas sebab-sebab kesalahan tersebut, maka pasport-pasport mereka terpaksa ditahan untuk menghormati tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan Taiwan, tetapi bagi mereka yang bekerja tanpa permit, tidak dikesan, kembali ke negara ini, pihak kerajaan telah pun memberi kelonggaran untuk memulangkan semua pasport ini dan telah pun kita lakukan.

AKTA PENGAMBILAN TANAH - PINDAAN UNTUK JAMINAN KEADILAN

10. Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussein [SEPANG] minta Menteri Tanah dan Pempangunan Koperasi menyatakan berkenaan perkembangan serta status pengumuman untuk mengkaji semula Akta pengambilan Tanah (Pindaan) 1991, yang bertujuan utama untuk mengelak berlakunya pengambilan secara berleluasa dan tidak terkawal Akta tersebut seterusnya, memberi keadilan kepada rakyat tanahnya sedang dalam proses pengambilan atau akan diambil.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh

Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat

cadangan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 sekarang ini masih dalam proses tindakan kementerian ini dan Jabatan Peguam Negara sebelum ia dibawa kepada Jamaah Menteri dan Majlis Tanah Negara. Di antara tujuan pindaan ini ialah untuk menentukan bahawa proses pengambilan tanah terutamanya bagi maksud pembangunan ekonomi di bawah seksyen 3B di perketatkan lagi. Adalah menjadi harapan kerajaan agar cadangan pindaan ini nanti akan dapat menjadikan proses dan prosedur pengambilan tanah menjadi lebih kemas, ladil, menyeluruh dan telus.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukanlah pindaan Akta Tanah ini. Cuma saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang arif tentang koperasi dan tanah ini sama ada kementerian juga mengambil kira tentang harga tanah yang diambil oleh sesuatu badan ataupun syarikat kemudiannya diubah syarat dan dijual pula dengan harga yang berlipat-lipat ganda. Jadi, adakah dalam pindaan akta ini kelak pihak kementerian memastikan bahawa tuan tanah ini tidak mengalami kerugian ataupun tanah mereka itu diambil sewenang-wenang dengan harga yang diletak oleh pihak badan-badan tertentu ataupun badan-badan separuh kerajaan yang dipergunakan untuk menggunakan akta ini? Dan adakah pindaan akta ini akan dibackdatedkan supaya orang-orang yang mendapat pampasan yang kurang hari ini akan dibackdatedkan supaya orang-orang yang mendapat pampasan yang kurang pada hari ini, diberi balik pampasan. Seperti

tanah Felda bagus Tan Sri, banyak millionare tapi setengah tanah tadi hanya ada keluar “air”. Jadi, tidak dapat apapun. Jadi, saya mintalah menteri tolong beri jawapan sedikit.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan akta ini ialah untuk menjamin bahawa pihak yang berkenaan dapat pampasan yang adil. Tentang backdating, sukacita saya menegaskan di sini bahawa pihak yang tidak berpuashati dengan pampasan yang ditawarkan boleh memohon kepada mahkamah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengeluarkan soalan tambahan. Memandangkan Akta Pengambilan Tanah yang akan dipinda ini hanya akan dipakai di Semenanjung sahaja, dan tidak mungkin terpakai di Sabah dan Sarawak kerana negeri masing-masing ada Akta Pengambilan Tanah sendiri. Tapi di dalam pengambilan tanah itu banyak projek ataupun tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Maka soalan saya di sini ialah untuk memastikan pengambilan tanah itu adalah benar-benar bagi maksud penggunaan awam, maka adalah wajar supaya Fasal 13 Perlembagaan Malaysia dipindahkan bagi memperkatakan definisi kegunaan awam dan juga prosedur-prosedur bagi pengambilan tanah bagi maksud kegunaan Persekutuan. Maka, soalan saya adakah kementerian bercadang supaya membuat pindaan serentak nanti? Sekian, terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu boleh diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudah selesai.

[Masa untuk Pertanyaa bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 11 hingga 72 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUART

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatn tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu pada tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuara kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG REKABENTUK PERINDUSTRIAN 1996**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran rekabentuk perindustrian di Malaysia dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuara kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 1996**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Koperasi 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan

Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BAGI AKREDITASI NEGARA 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (8 Julai 1996).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Balik Pulau sila sambung ucapan.

3.38 ptg.

Dr. Nungsi bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan merumuskan perkara-perkara yang telah saya bangkitkan dalam masa perbahasan Rang Undang-undang Kenbaga Akreditasi Negara semalam. Pertama saranan yang saya minta dipertimbangkan oleh Kementerian Pendidikan ialah dalam usaha untuk mengiktirafkan kelulusan yang dikeluarkan oleh IPT swasta dan yang kemudiannya akan dilebarkan kepada kelulusan yang dikeluarkan oleh IPT awam sendiri seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya melibatkan badan-badan profesional yang ada dalam negara kita ini sama ada yang badan profesional perakaunan, kejuruteraan, juruukur dan sebagainya.

Kedua, hendaklah ianya melibatkan juga pertubuhan-pertubuhan akademik seperti Persatuan Ekonomi Malaysia, Institut Statistik Malaysia dan berbagai-bagai jenis persatuan yang mewakili bidang-bidang pengajian yang ada dikendalikan di institut pengajian tinggi.

Ketiganya ialah kita menyarankan supaya trade association ataupun badan profesional melibatkan diri dalam usaha melatih, mendidik dan juga usaha pengiktirafan. Kita misalnya tengok di industri insurans misalnya kita ada Malaysian Institute Of Insurance yang mengendalikan program-program pendidikan yang mengeluarkan kelulusan dalaman bagi industri tersebut, baik dalam insurans, dalam bidang sains aktuari dan bidang underwriting dan sebagainya.

Kita merasakan bahawa dalam segi ini mungkin lebih banyak lagi badan-badan perniagaan seperti ini atau badan-badan yang mewakili industri seperti Federation of Malaysian Manufactures, Institut Bank Malaysia dan sebagainya terlibat dengan lebih banyak lagi dalam usaha latihan, pendidikan dan seterusnya secara langsung terlibat dalam usaha pengiktirafan kelulusan yang bakal dikeluarkan.

Dengan ini kita memperbanyakkan dan mempelbagaikan usaha pendidikan dan latihan dalam negara kita. Saya juga menyeru supaya kerajaan memberi kelonggaran dan insentif supaya bertambahnya peluang-peluang latihan seperti ini.

Pada bulan lepas saya ada pergi ke sebuah kilang di kawasan saya dan kita dapati kilang tersebut melakukan usaha melatih lepasan sekolah yang bukan daripada kalangan pekerjaannya sendiri dan kilang tersebut membiayai keseluruhan perbelanjaan untuk melatih lepasan-lepasan sekolah ini sehingga 10 bulan- membekalkan mereka dengan kelulusan yang sendiri, sijil dalaman yang sendiri dan selepas itu tidak mengikat pula graduan-graduan ini untuk bekerja dengan kilang tersebut. Kita dapati bahawa ini satu saha yang baik yang dilakukan oleh kilang-kilang tersebut tetapi dalam pelbagai segi tidak ada apa-apa pengecualian ataupun pulangan kepada kilang ini kerana dari segi misalnya Tabung Pembangunan Sumber Manusia pun dia tidak dapat pengecualian. Kita harapkan nanti apabila ada Lembaga Akreditasi Negara ini janganlah kelak Lembaga Akreditasi Negara ini nanti menjadi birokrasi yang tidak menggalakkan penglibatan kilang-kilang dan juga persatuan-persatuan mahupun pertubuhan-pertubuhan dalam industri untuk memperbanyakkan peluang-peluang latihan dan juga pendidikan di kalangan belia dan juga orang yang sudah ada dalam tenaga buruh.

Satu perkara lagi ialah sambil saya menyarankan, saya suka memohon penjelasan daripada kementerian apakah perancangan dari segi hubungan di antara Lembaga Akreditasi Negara ini dengan badan-badan akreditasi yang lain yang ada dalam negara ini mahupun di luar negara ini? Seperti yang kita katakan akreditasi ini adalah satu konsep yang relatif yang tidak dilakukan

secara mutlak. Kalau kita sahaja iktiraf tapi orang lain tidak iktiraf, maka pengiktirafan itu seperti satu pengiktirafan yang kurang bermakna. Untuk bermakna, pengiktirafan yang kita beri itu adalah juga pengiktirafan yang diterima oleh kebanyakan badan-badan pengiktirafan yang lain. Dalam keadaan begitu baru ada kekuatan dari segi pengiktirafan yang hendak diberi.

Satu perkara lagi ialah saya menyarankan supaya kuasa yang ada diberikan kepada kementerian melalui pendaftar IPT swasta yang telah kita luluskan melalui Akta IPT swasta supaya diwujudkan di kalangan IPT-IPT swasta ini sesama mereka sendiri, melalui mekanisme mereka sendiri, satu badan yang mengawasi diri mereka sendiri tanpa ada penglibatan secara langsung daripada Kementerian Pendidikan.

Kita rasa sekarang ini pun sudah ada pertubuhan IPT swasta. Mereka boleh meluaskan hubungan di antara IPT-IPT swasta dan juga dengan IPT-IPT awam yang ada. Secara sukarela tanpa penglibatan Kementerian Pendidikan atau Kerajaan secara langsung. Maka diwujudkan satu mekanisme yang mana ahli-ahli IPT swasta berhubung sesama sendiri melakukan penilaian sendiri dan pengawasan sendiri dan mereka juga dari segi pengiktirafan dan pengawalan mutu pendidikan ini boleh bergabung mewujudkan satu mekanisme yang lain di antara mereka dan juga mana-mana institusi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Ini juga dilakukan tanpa penglibatan secara langsung pihak kementerian ataupun kerajaan.

Jadi, saya menyarankan supaya ada infrastruktur yang saya maksudkan tadi di kalangan IPT swasta untuk self regulation dan hubungan di antara IPT swasta dengan universiti-universiti awam supaya sudah ada satu mekanisme

Apabila sudah ada infrastruktur yang sebegini rupa di kalangan IPT swasta dan juga di kalangan IPT swasta dengan IPT-IPT awam maka apabila kita luluskan Lembaga Akreditasi Negara ini, Lembaga Akreditasi Negara ini tidaklah menjadi satu super birokrasi ialah kerajaan yang besar. Yang kita takut dari segi sifat satu birokrasi sebagaimana ikhlas sekalipun kita cuba meningkatkan kecekapannya sebagai satu hakikat kita kena terima bahawa apa yang kita panggil birokrasi itu ada karenah-karenahnya yang tertentu.

atau infrastruktur yang mana Lembaga Akreditasi Negara hanya perlu melakukan hubungan dengan infrastruktur ini, jadi tidak perlulah nanti Lembaga Akreditasi Negara hendak mengurus secara langsung dengan beratus-ratus dan mungkin di masa depan dengan beribu-ribu IPT yang ada. Jadi jika itulah mekanismenya, maka terpaksa lah Lembaga Akreditasi Negara ini diperbesarkan untuk membolehkan ia mengurus secara langsung dengan tiap-tiap satu IPT, jadi secara langsung dia pun menjadi besar dan apabila satu-satu badan kerajaan, ejensi kerajaan jadi besar memang akan wujud karenah birokrasi yang kita cuba elakkan itu. Jadi itu adalah saranan saya supaya ada self regulation di kalangan institusi pengajian tinggi dan juga supaya dengan adanya perkara tersebut.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun. Hendak berijalan?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Beri saya, habis satu ayat saja, supaya birokrasi LAN tidak menjadi terlalu besar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat dari Balik Pulau, seorang bekas profesor universiti, insya-Allah, kalau tidak menjadi Wakil Rakyat memang sudah menjadi profesor, dia kata, kalau boleh pengawalan atau pengawasan daripada Lembaga Akreditasi Negara ini supaya minimum lebih pengawasan tersendiri (self regulation), tapi saya minta sebagai penjelasan, kalaulah badan-badan pendidikan swasta ini yang menyedari tanggungjawab sosial mereka supaya ada satu kualiti yang pendidikan baik sewajarnya diploma, ijazah yang diberi itu pada tahap yang baik, guru-guru pun yang baik. Namun demikian, ada juga sebagai pengusaha swasta ini yang memandang sempit, mereka lebih pandang kepada keuntungan yang pendek, tidak memandang kepada kepentingan negara dan bangsa yang mana mereka ini akan korbakan kualiti pendidikan. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Balik Pulau, seandainya ini berlaku adakah Yang Berhormat merasakan bahawa LAN ini lebih aktif lagi mengawasi supaya kualiti ijazah dan diploma yang diberi ini nanti ada tahap kualiti yang boleh kita banggakan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Saya setuju dengan kemusykilan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat kerana di dalam jangka masa pendek sudah tentu ada - walaupun kita ada Akta IPT swasta untuk mengawal fenomena ini, kita rasakan sudah tentu ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak punya tanggungjawab sosial yang baik, yang akan mengambil kesempatan memasuki sektor pendidikan ini semata-mata atas pertimbangan kewangan. Itu satu perkara yang memang kita akui mungkin akan berlaku.

Saya rasakan pada jangka masa panjang, masyarakat, pengguna dan juga Lembaga Akreditasi Negara ini melalui proses pengiktirafannya, akan sampai - kita rasa mula-mula macam kita kata, kalau boleh saya gunakan satu analogi, apabila kita wujudkan satu industri, jadi masuklah berbagai-bagai jenis firma, ada yang elok, ada yang tak elok. Tetapi akhirnya daripada pertimbangan, penilaian pengguna itu sendiri, maka firma-firma yang jual benda-benda yang tak elok itu akan dengan sendiri diketahui mutunya, dan mereka tidak akan mendapat sambutan, dan akhirnya sama ada mereka diiktiraf sebagai mempunyai kualiti yang rendah ataupun mereka tidak langsung mempunyai permintaan, dan akhirnya mereka akan terkeluar langsung daripada pasaran.

Tetapi dari segi IPT swasta ini, itulah satu lagi - saya timbulkan perkara ini sebab saya tidak hendak supaya Lembaga Akreditasi Negara menjadi satu super birokrasi kerajaan yang terlalu besar yang berkemungkinan yang akan

menimbulkan halangan sedikit-sebanyak pun untuk memperbanyakkan peluang-peluang latihan dan juga pendidikan. Jadi, kita telah membuka pintu, kita telah bersetuju untuk membuka pintu dengan luas untuk membenarkan dan memperbanyakkan peluang pendidikan, jadi, kita membenarkannya.

Kita berharap semoga penghukuman dan penghakiman yang akan dibuat oleh pengguna akan berlaku dan proses penghakiman dan penghukuman yang dibuat oleh pengguna itu akhirnya akan menyebabkan pada satu keseimbangan yang kita sampai kelak hanya yang elok dan yang bermutu sahaja yang tinggal. Kalau yang tak elok pun ada, maka ia tidak dapat pengiktirafan daripada Lembaga Akreditasi Negara, dan bukan sahaja tak dapat pengiktirafan daripada Lembaga Akreditasi Negara, malah mereka juga akan dianggap oleh pasaran, sama ada pelajar, bakal-bakal pelajar ataupun majikan-majikan sebagai institusi yang mengeluarkan graduan yang kurang bermutu. Saya rasa penghukuman itu sudah menjadi satu 'disincentive' yang agak kuat kalau kita benarkan perkara ini diteruskan sebegini rupa. Saya bukan hendak memperkecilkan kemungkinan ada IPT yang tidak bertanggungjawab melakukan perkara ini.

Perkara yang kelima, saya rasa dalam rumusan saya ini ialah saya mohon penjelasan tentang itulah yang saya maksudkan kelmarin dalam konteks rang undang-undang ini, dan juga secara menyeluruh dalam sistem pendidikan tinggi dalam usaha kita untuk reformasi sistem pendidikan tinggi di negara kita ini,

kita hendakkan satu pentakrifan yang jelas di antara apakah maksud takrif yang kita gunakan dari segi apakah sesuatu institusi pendidikan tinggi? Apa yang kita sebenarnya maksud dengan satu-satu institusi pendidikan tinggi berbanding dengan satu-satu institusi latihan misalnya. Adakah kita punyai satu falsafah yang boleh memberi panduan kepada kita untuk memberi takrif, yang mana satu institusi pengajian tinggi, yang mana satu institusi latihan, kerana kita tidak hendak campuradukkan perkara ini. Kerana kalau kita campuradukkannya, konsep pengawasan dan konsep pengiktirafan yang hendak kita gunakan kenalah berbeza di antara institusi yang kita maksudkan sebagai pendidikan tinggi dan institusi latihan.

Dalam konteks ini juga, saya ingin menimbulkan satu persoalan ini ada kaitan dengan kementerian lain, tetapi dari segi pengiktirafan dia mungkin ada berkaitan dengan rang undang-undang ini. Dalam Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang kita pinda pada mesyuarat yang lepas, setiap majikan yang melebihi tahap pekerja yang sekian banyak kena menyumbang 1% daripada jumlah gaji kepada tabung tersebut. Jika mereka dapat melakukan latihan dalaman, maka dia boleh dapat pengecualian, rebate, daripada sumbangan mereka, ataupun mereka boleh menghantar pekerja-pekerja mereka untuk tujuan meningkatkan kemahiran dan latihan semula ke mana-mana kursus-kursus latihan yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia. Kalau

diiktiraf, dia dapat rebate daripada sumbangan Human Resource Development Fund ini.

Di sini ada timbul satu persoalan yang relevan dalam konteks rang undang-undang yang kita bincang hari ini, kerana kita hendak memperbanyakkan institusi-institusi yang membekalkan peluang latihan. Saya jangka selain daripada institusi kerajaan seperti Institusi Latihan Perindustrian dan sebagainya, kita sebenarnya merasakan bahawa peranan ini akan diambil lebih banyak oleh institusi-institusi swasta dan sudah tentu ianya akan ditubuhkan di bawah kuasa IPT swasta. Jadi, pengiktirafan institusi-institusi latihan ini akan dilakukan melalui Lembaga Akreditasi Negara. Saya rasa mungkin tak lama nanti apabila perkara ini berjalan, adakah Kementerian Sumber Manusia untuk tujuan pelaksanaan Human Resource Development Fund ini akan merujuk kepada Lembaga Akreditasi Negara sebagai mendapat okay atau tak okay dari segi untuk mengiktiraf atau tidak mengiktiraf kursus yang dihantar oleh majikan untuk melatih pekerja-pekerja mereka. Di sini saya minta penjelasan kerana saya punyai minat di sini untuk memperbanyakkan kursus-kursus di institusi-institusi latihan untuk melatih pekerja-pekerja.

Jadi, saya harapkan banyak institusi atau kilang-kilang, syarikat-syarikat yang buat latihan ini akan dapat pengecualian dari segi sumbangan mereka ke Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini, dan ia menimbulkan rangsangan untuk syarikat-syarikat dan juga kilang-kilang ini mewujudkan banyak peluang-

peluang untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran. Jadi, saya rasa adakah benda ini terangkum dalam kuasa Lembaga Akreditasi Negara walaupun pihak berkuasa ke atas Tabung Pembangunan Sumber Manusia itu ialah Kementerian Sumber Manusia. Itulah sebabnya saya menyarankan supaya lembaga ini tidak menjadi terlalu besar kerana kita takut nanti karenah birokrasi walaupun niat dia baik, akan menjadi penghalang kepada banyak institusi, kilang-kilang untuk melakukan program-program latihan dalaman.

Perkara yang seterusnya, yang terakhir yang kita hendak timbulkan ialah saya menyarankan supaya konsep pengiktirafan yang hendak dilaksanakan melalui lembaga ini adalah konsep pengiktirafan, dan bukan konsep penguatkuasaan. Ia satu perkara yang berlainan. Pengiktiraf ada banyak - yang mana kita iktiraf, kita cakap iktiraf, yang mana tak layak hendak iktiraf, kita cakap ini tak cukup syarat untuk diiktiraf. Maka perkara itu dihebahkan, maka orang boleh buat keputusan yang sewajarnya.

Perkara terakhir yang terpaksa juga saya timbulkan mewakili pendapat rakan-rakan dalam kerjaya saya yang terdahulu, saya menimbulkan fenomena kekurangan input ahli-ahli akademik dalam proses kita mereformasikan institusi pengajian tinggi. Ini satu perkara yang penting. Saya rasakan bahawa ahli-ahli akademik di institusi-institusi pengajian tinggi yang saya kira mempunyai kepentingan dalam proses kita mereform ini tak mempunyai suara di dalam proses reformasi yang akan punyai kesan ke atas diri mereka sendiri.

Saya rasa mereka merupakan salah satu daripada pihak yang mempunyai *locus standi* untuk memberi pendapat tentang perkara-perkara ini. Berasaskan kepada kebimbangan itulah saya biasa menyarankan semasa perbahasan Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara, pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti bahawa secara strukturalnya perkembangan ini berkemungkinan menghadkan suara ahli-ahli akademik di dalam pentadbiran akademik. Itulah saya menyarankan tempoh hari supaya untuk memastikan bahawa suara ahli akademik terdengar pada peringkat tertinggi penggubalan dasar, supaya lantikan-lantikan Naib-naib Canselor di institusi-institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti ini diberikanlah kepada ahli-ahli akademik.

Sekarang ini kita menghadapi satu fenomena, di dalam dua, tiga atau empat tahun yang lepas, kebanyakan Naib Canselor sekarang ini adalah dilantik daripada bekas-bekas ataupun kalau tidak bekas pun daripada kalangan pegawai-pegawai PTD. Jadi, itu kita rasa satu perkembangan yang membimbangkan dan saya berharap sangatlah pada masa-masa hadapan, apabila ada peluang untuk kita melantik Naib-naib Canselor universiti ini, lantiklah daripada kalangan ahli-ahli akademik yang berkebolehan. Bukan sahaja mereka mempunyai latar belakang keilmuan tetapi ada di kalangan mereka yang mempunyai kebolehan pentadbiran yang membolehkan mereka diberi tanggungjawab untuk mengetuai sesebuah universiti.

Jadi, dengan saranan-saranan yang tersebut, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ada lagi yang hendak berucap ya. Jadi, saya....

Tuan Noh bin Omar: Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cuma boleh beri seorang dua lagi untuk mengambil bahagian dalam perbahasan sebelum Menteri jawab.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong Karang. Saya belum sebut nama kawasan Yang Berhormat lagi. *[Ketawa]* Tanjong Karang.

4.03 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996. Saya tidak mahu bercakap panjang. Pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada keprihatinan pihak kerajaan yang telah mengemukakan akta ini dan ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan kita tidak mahu melihat ijazah-ijazah dan juga

kursus-kursus yang dikeluarkan oleh mana-mana universiti ataupun pusat-pusat pengajian tinggi di dalam negara kita ini mempunyai kualiti yang rendah dan kita yakin apabila akta ini diluluskan nanti, maka mutu kelulusan dan juga pendidikan di institusi pengajian tinggi di negara kita akan dapat kita pertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fungsi Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang mana di dalam Fasal 4 jelas menunjukkan bahawa fungsinya ialah untuk mengawal standard dan kualiti ijazah serta kursus-kursus di IPTS. Tetapi saya ingin mencadangkan supaya fungsi ini seharusnya diperluaskan lagi yang mana fungsi ini sepatutnya LAN juga hendaklah menentukan syarat-syarat kelayakan untuk seseorang pelajar yang membolehkan pelajar ini mengikuti kursus-kursus ataupun ijazah yang diiktiraf itu.

Saya ingin mencadangkan bahawa syarat minimum untuk pelajar-pelajar yang ingin mengikuti kursus-kursus ataupun ijazah yang diiktiraf ini hendaklah sama seperti syarat-syarat yang dikenakan oleh universiti tempatan (local university). Sebagaimana yang kita tahu, di dalam universiti-universiti tempatan, syarat utama yang dikenakan ialah mestilah lulus SPM dengan kepujian Bahasa Malaysia. Syarat ini amat penting kerana pelajar-pelajar di negara kita mereka ini memperolehi pendidikan yang sama di peringkat SPM, dari segi pendedahannya, dari segi sistem pengajarannya, dari segi sistem

sukatan mata pelajarannya, semua pelajar kita ini mempunyai pendidikan yang sama dan juga sistem SPM ini juga diambil, boleh dikatakan semua pelajar yang mengikuti pendidikan secara rasmi di negara kita. Oleh itu, asasnya untuk membolehkan seseorang ini mengikuti kursus-kursus yang diiktiraf oleh LAN ini mestilah mempunyai kelulusan SPM dengan kepujian Bahasa Malaysia.

Saya menekankan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kerana di negara kita ini, kalau kita lihat, selepas peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, di negara kita ini pelajar-pelajar mempunyai dua pilihan. Pilihan yang pertama ialah mereka ini berpeluang melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan di mana selepas SPM mereka boleh memasuki Tingkatan Enam dan seterusnya universiti tempatan. Di mana mereka yang mengikuti kursus-kursus di universiti-universiti tempatan ini kita lihat mereka ini terpaksa memenuhi syarat-syarat yang begitu ketat. Hendak masuk ke Tingkatan Enam sebagai contoh, mereka mesti lulus SPM. Kemudian hendak masuk universiti tempatan, mereka mesti lulus SPM dengan kepujian Bahasa Malaysia. Mereka juga dikenakan syarat-syarat kepujian di dalam mata-mata pelajaran yang tertentu.

Pendeknya, amat sukar sekali pelajar-pelajar kita yang layak memasuki universiti tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran di universiti tempatan. Ini berbeza kalau kita bandingkan dengan peluang-peluang yang diikuti oleh

pelajar-pelajar kita yang mengambil kursus-kursus di IPTS ini. Di dalam sistem pendidikan di negara kita ini adalah agak berbeza. Kalau....

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Kalau kita timbangkan semangat Akta IPTS 1996, IPTS-IPTS adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat masuk ke universiti-universiti tempatan yang dianjurkan oleh kerajaan.

Kalau kita ikuti apa yang sarankan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, maka sesiapa yang tidak boleh masuk universiti tempatan, ia juga tidak boleh masuk ke mana-mana tempat yang lain untuk pengajian lanjutan. Saya pun tidak boleh bersetuju dengan Yang Berhormat dari Tanjong Karang dalam perkara ini. Saya rasa ada 'allowance' yang diberikan kepada pelajar-pelajar di IPTS yang tidak mempunyai kelayakan kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM, tetapi mereka akan mengikuti kursus dalam Bahasa Malaysia yang ditentukan oleh peraturan dalam IPTS masing-masing. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong Karang sama ada beliau bermaksud mana-mana pelajar yang tidak boleh masuk universiti tempatan, adakah ia juga tidak boleh masuk IPTS yang lain?

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih sahabat saya. Jiran saya dari Bukit Mertajam. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud sesiapa yang tidak boleh masuk ke universiti tempatan juga tidak boleh masuk ke universiti swasta. Yang saya tekankan ialah syarat minimum. Sesiapa yang hendak masuk universiti swasta, mereka juga mestilah lulus SPM dengan kepujian Bahasa Malaysia.

Saya menekankan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa selepas SPM ini pendemokrasian pendidikan negara kita ini seolah-olah macam tidak wujud, sudah seperti tidak ada keadilan.

Saya ambil contoh, pelajar-pelajar yang memasuki sekolah swasta, mereka ini kadang-kadang tidak lulus SPM. Saya hendak tekankan tadi, negara kita ini sistemnya berbeza dengan sistem di United Kingdom. Sistem kita ada Gred 1, ada Gred 2 dan ada Gred 3. STPM kita pula ada Sijil Penuh dan ada Sijil Separuh. Kalau tidak lulus Kertas Am, tidak boleh dapat Sijil Penuh. Tetapi kita lihat bagaimana peluang yang begitu luas dibuka kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di IPTS. Mereka yang hendak masuk ke IPTS ini, mereka tidak lulus SPM pun. Kadang-kadang mereka ini hanya mendapat Gred 9 kerana Bahasa Malaysianya 9. Kadang-kadang dapat Gred 4, pendeknya tidak lulus SPM. Walaupun kadang-kadang tidak ada kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, tetapi mereka ini boleh melanjutkan pelajaran. Kerana kalau mereka hendak ambil 'A' Level sebagai contoh, mereka hanya memerlukan tiga 'O' Level. Maksudnya tiga kepujian.

Ramai kawan-kawan saya semasa di London dahulu yang tidak ada SPM pun. Bahasa Malaysia pun failed. Tetapi oleh kerana dia ada 3 atau 4 kepujian,

dia boleh buat “A” level. Bila dia buat “A” level pula, dia tidak macam budak-budak yang mengambil STPM, kena ambil sampai 4 atau 5 mata pelajaran, wajib pula lulus Kertas Am. Kadang-kadang mereka ambil 3 prinsipal, 2 atau 3 mata pelajaran sahaja! Dengan dua mata pelajaran, kadang-kadang mereka tidak ada sijil penuh pun dia boleh melanjutkan pelajaran di IPTS, sedangkan pelajar-pelajar di dalam local university kita dikenakan syarat yang begitu ketat untuk memberi peluang kepada anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran di dalam negeri.

Yang saya hendak menekankan di sini ialah asasnya. Syarat-syarat asas mesti sama sebab pelajar-pelajar kita yang mendapat pendidikan SPM ini adalah sama di dalam negara kita ini. Kejujian Bahasa Malaysia adalah wajib, sedangkan di IPTS, di dalam fasal 4(c) pun ada fungsinya - fungsi LAN untuk menentukan tahap pencapaian bagi bahasa kebangsaan di IPTS. Mengapa tidak sebelum memasuki IPTS ini, mesti mendapat kejujian dalam Bahasa Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang mereka ini, apabila mereka dapat ijazah profesional atau pun apa-apa ijazah daripada IPTS, walaupun mereka ini tidak ada kejujian dalam Bahasa Malaysia, kalau mereka pergi bekerja dengan pihak swasta, mereka boleh bekerja sebab pihak swasta, dia tidak tengok pun SPM ini mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia atau tidak. Mereka lihat ijazah apa yang mereka dapat. Kalau dapat Ijazah MBA ataupun ijazah-ijazah profesional, mereka boleh bekerja dengan pihak swasta.

Kalau ini tidak kita kawal, maka perjuangan kita untuk menegakkan keagungan Bahasa Malaysia kita kluatir akan habis begitu sahaja sedangkan hari ini kita lihat di dalam IPTS ini hampir 80% terdiri daripada pelajar-pelajar yang bukan bumi yang kadang-kadang kita lihat di pihak swasta kita rasa macam ada dua alam duduk di dalam negara kita. Kita pergi berjumpa pegawai-pegawai kerajaan, semua orang bercakap Bahasa Malaysia. Kita pergi berjumpa pegawai-pegawai kita yang bekerja di syarikat swasta, mereka semua bercakap di dalam bahasa Inggeris.

Jadi, kita tidak mahu mewujudkan semacam ada dua dunia di dalam satu negara. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya penekanan untuk lulus Bahasa Inggeris ini amat penting. Di samping itu juga, saya ingin menekankan perkara ini kerana keadilan ini tadi di mana pelajar-pelajar di luar bandar, pertamanya mereka tidak faham, mereka tidak ada pengetahuan dan mereka tidak ada pendedahan bagaimana untuk melanjutkan pelajaran.

Kadang-kadang kita lihat pelajar-pelajar kita di luar bandar dapat Gred 3, tidak dapat masuk Tingkatan 6, tetapi kepujiannya baik. Ada yang dapat 4 kepujian dan ada yang dapat 5 kepujian, tetapi oleh kerana mereka tidak tahu bahawa dengan tiga ataupun empat kepujian mereka itu, walaupun mereka mendapat Gred 4 ataupun failed SPM, mereka boleh melanjutkan pelajaran di IPTS. Pendedahan ini tidak ada. Begitu juga, sekiranya mereka ada

pendedahan pun, kita lihat mereka lemah dari segi ekonomi. Kalau disebut sekolah swasta, mereka terpaksa membiayainya sendiri.

Faktor yang ketiga ialah faktor Bahasa Inggeris. Faktor Bahasa Inggeris ini kita tidak boleh nafikan di mana-mana sekolah swasta pun yang membuat twinning programme ini kebanyakannya adalah menggunakan Bahasa Inggeris, sedangkan faktor Bahasa Inggeris inilah yang kadang-kadang menyebabkan pelajar-pelajar kita di luar bandar ini tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di IPTS.

Ini jelas menunjukkan bahawa kelemahan Bahasa Inggeris ini, saya ambil contoh, seperti satu analisa UPSR yang saya sendiri buat di 32 buah sekolah di daerah Sabak Bernam. Calon yang mengambil peperiksaan ada 1,747 orang. Lulus 760 orang - hanya 43.9% yang lulus UPSR. Yang mendapat 4A hanya 62 orang iaitu 3.5% sahaja. Yang mendapat 3A adalah seramai 189 orang iaitu 11.5%. Yang mendapat 3A ini adalah kerana mereka tidak dapat A dalam Bahasa Inggeris. Tetapi kalau Bahasa Inggeris mereka ini baik, peratus sekolah yang saya buat kajian tadi, 4A akan boleh mendatangkan bilangan yang banyak iaitu seramai 151 orang ataupun 15%. Tetapi oleh kerana mereka ini lemah Bahasa Inggeris, maka kelulusan yang mendapat 4A sepatutnya 15%, tetapi tinggal 3.5%. Ini jelas menunjukkan bahawa peluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS ini adalah kerana mereka lemah Bahasa Inggeris, mereka kurang pendedahan dan juga kelemahan ekonomi.

Oleh itu saya ingin mencadangkan, peluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS ini dan sistem peperiksaan yang saya nyatakan tadi - SPM Gred 9 dan Gred 4 pun boleh melanjutkan pelajaran ini tidak ramai yang tahu. Apabila saya cerita di kawasan saya, ada guru-guru yang tidak tahu. Dia kata, “macam mana Gred 9 boleh melanjutkan pelajaran?” Saya kata, “boleh, tetapi mesti kena ikut sistem “A” level atau sistem UK, ambil “A” level dan masuk IPTS. Ijazahnya sama”.

Oleh itu, supaya benda ini adil dan kita sama-sama memperjuangkan Bahasa Malaysia ini, maka syarat minimum mesti dikenakan supaya mana-mana pelajar yang mana tidak lulus Bahasa Malaysia walaupun dia hebat dalam mata pelajaran apa sekali pun, tidak boleh melanjutkan pelajaran dan tidak dibenarkan melanjutkan pelajaran ke mana-mana universiti atau IPTS.

Kalau mana-mana pelajar yang terlepas, boleh jadi oleh kerana semasa pemilihan itu tidak teliti, dia terlepas dan dapat ijazah, maka ijazah yang didapati itu tidak boleh diiktiraf walaupun kursusnya itu adalah kursus yang diiktiraf.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap selain daripada syarat yang patut dikenakan iaitu syarat minimum ini, saya juga ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan, khususnya di Bahagian Kaunseling dan Kerjaya supaya mendedahkan seluas-luasnya peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran di IPTS yang wujud di dalam negara kita ini.

Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Mertajam.

4.16 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selepas mendengar apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saya ada lebih bahan untuk bercakap di sini. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh benarkan saya bercakap panjang-lebar sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat, jangan ambil masa yang terlampau panjang.

Dr. Tan Chong Keng: Baik, saya mulakan. Tuan Yang di-Pertua, saya pun turut berucap untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996. Dalam perkara ini saya rasa ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum saya ini telah terkeliru di antara dua istilah iaitu pertama “akreditasi” dan yang satu lagi, “pengiktirafan”.

Mereka sudah menyalahgunakan perkataan “pengiktirafan” untuk menggantikan perkataan “akreditasi”. Sebenarnya akreditasi itu hanya memberikan penilaian standard ataupun kualiti kursus-kursus yang ditawarkan oleh sesuatu kolej, universiti dan sebagainya. Hanya menentukan standard itu sahaja, bukan untuk memberikan pengiktirafan sama ada datang dari pihak kerajaan ataupun daripada pihak swasta.

Jadi, ada pentingnya untuk Dewan yang mulia ini untuk mencatatkan perbezaan di antara dua perkara ini - “akreditasi” dan “pengiktirafan” adalah dua perkara yang berasingan. Kalau sesuatu Lembaga Akreditasi Negara

memberikan penilaian yang bagus kepada sesuatu kursus yang tertentu, tetapi badan profesional boleh mengambil tindakan tidak memberi pengiktirafan kepada kursus itu atas sebab-sebab yang tertentu, jadi saya berharap kedua-dua perkataan itu tidak disalahgunakan.

Apa yang kita pentingkan di sini adalah bagaimanakah proses akreditasi ini akan dijalankan oleh Lembaga ini dan kalau kita hendak tinjau masalah ini, kita mesti periksa sedikit ahli-ahli ataupun struktur Lembaga ini. Adakah Lembaga ini terdiri dari satu bilangan ahli-ahli akademik yang bebas ataupun adakah ahli-ahli ini hanya datang daripada pihak kerajaan sahaja? Oleh kerana kita akan menjalankan kerja-kerja membuat penilaian kualiti kursus-kursus pengajian akademik, saya bercadang ahli-ahli Lembaga ini mesti terdiri daripada ahli-ahli akademik, tetapi bukan hanya datang daripada kolej ataupun universiti yang dianjurkan oleh kerajaan sahaja kerana kalau begitu kita tidak dapat satu perwakilan yang seimbang kalau negara kita ini betul-betul hendak menggalakkan perkembangan pendidikan IPTS dengan semangat liberalisasi.

Saya berasa ahli-ahli Lembaga Akreditasi Negara ini mesti terdiri daripada wakil-wakil daripada IPTS yang mempunyai kelayakan yang sesuai, pengalaman yang sesuai dan perwakilan yang sesuai.

Seterusnya saya berpendapat bahawa lembaga ini bukan satu lembaga yang digunakan untuk memberi penyekatan terhadap kursus-kursus yang akan ditawarkan oleh IPTS-IPTS. Apa-apa kursus yang akan dibuat oleh lembaga ini adalah untuk menentukan standard dan kualiti kursus-kursus yang ditawarkan sahaja, bukan untuk memberikan penghalangan terhadap kursus-kursus yang akan ditawarkan oleh kolej swasta ataupun kolej universiti tempatan yang dianjurkan oleh kerajaan.

Saya rasa tugas untuk memberikan kebenaran kepada IPTS atau IPT kerajaan untuk menjalankan sesuatu kursus itu adalah terletak di dalam tangan Menteri Pendidikan melalui Akta Pendidikan 1995 - sudah ditentukan sebagai kuasa menteri dan tidak boleh ataupun tidak perlu diulangi sekali lagi di sini. Jadi, fungsi Lembaga Akreditasi Negara ini tidak semestinya termasuk kuasa memberikan kebenaran untuk IPTS-IPTS atau IPT kerajaan untuk menjalankan kursus-kursus tertentu. Biar mereka itu menjalankan kursus itu di bawah kebenaran yang sudah diberikan oleh kuasa Menteri Pendidikan dan apa yang kita hendak tentukan di sini adalah lembaga ini yang menentukan nilai, standard kursus-kursus yang dijalankan, kerana selepas penentuan ini ataupun penilaian ini, ahli-ahli industri, perniagaan dan perkilangan akan menggunakan penilaian itu sebagai satu garis panduan untuk mendapatkan pekerja-pekerja baru ataupun orang-orang yang boleh diambil sebagai pekerja dengan gaji permulaan yang tertentu. Barangkali majikan-majikan ini akan menggunakan penilaian yang diberikan oleh LAN ini untuk menentukan struktur gaji ataupun syarat-syarat perkhidmatan untuk graduan-graduan dengan sijil diploma atau ijazah tertentu yang ditawarkan oleh IPTS.

Saya berasa garis panduan ini adalah penting untuk majikan-majikan yang akan menghadapi ramai pemohon-pemohon kerja yang datang dengan kelayakan-kelayakan yang pelbagai daripada banyak institusi pendidikan tinggi swasta ataupun kerajaan. Jadi, dengan pelbagai kelayakan yang dikemukakan

majikan-majikan akan memerlukan satu garis panduan yang adil, satu garis panduan yang diberikan oleh satu Lembaga Akreditasi Negara yang bebas, yang memberikan pandangan yang neutral kepada pihak majikan-majikan. Saya harap fungsi ini akan dapat dijalankan oleh sebuah Lembaga Akreditasi Negara yang adil, saksama dan bebas daripada pengaruh kerajaan sahaja.

Kita tidak boleh menubuhkan sebuah Lembaga Akreditasi Negara yang hanya terdiri daripada ahli-ahli kerajaan sahaja, saya rasa ini akan menjejaskan kebebasan lembaga ini daripada pengaruh kerajaan sahaja. Saya berasa Lembaga Akreditasi Negara ini mesti pentingkan penilaian objektif oleh ahli-ahli akademik semata-mata dan bukan ahli-ahli yang hanya mementingkan faktor-faktor yang lain seperti politik dan sebagainya. Lembaga ini adalah satu lembaga yang mesti terdiri dari ahli-ahli akademik yang boleh membuat keputusan akademik terhadap urusan-urusan akademik. Jadi, itu yang mesti dipentingkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada perkara ini juga saya ingin membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan pengiktirafan. Pengiktirafan itu seperti yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa menjadi satu masalah kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti seberang laut. Ada rekod-rekod di dalam JPA yang menunjukkan banyak universiti yang belum dapat pengiktirafan, walaupun sudah ada beberapa generasi pelajar-pelajar biasiaswa kerajaan yang sudah

lepas daripada universiti tersebut. Tetapi bila ibu bapa-ibu bapa ataupun pelajar-pelajar membuat pertanyaan kepada JPA melalui surat atau melalui telefon masih diberikan jawapan bahawa kursus itu tidak diiktirafkan.

Saya ingin membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini kerana maklumat yang tidak kemas kini ini sentiasa memberikan garis panduan yang tidak kemas kini kepada pelajar-pelajar, sampai mereka fikir bahawa universiti itu tidak mempunyai standard yang sesuai dengan keperluan negara kita, sampai mereka takut untuk pergi ke universiti tertentu, kerana universiti itu tidak disenaraikan dalam senarai yang kurang kemas kini daripada JPA itu.

Saya harap JPA boleh mengambil langkah yang positif, langkah yang segera untuk membuat kerja mengemaskinikan senarai universiti-universiti yang diiktiraf oleh JPA dan senarai kursus-kursus yang diiktirafkan, bukanlah dikatakan sebuah universiti itu diiktirafkan maka semua kursus di bawah universiti itu akan diiktirafkan. Saya rasa bahagian itu mesti dengan jelasnya menyenaraikan kursus-kursus di bawah universiti-universiti yang diiktirafkan dengan jelasnya, untuk memberi garis panduan yang jelas kepada pelajar-pelajar yang masih dalam sekolah menengah. Maklumat seperti ini tidak senang didapati oleh guru-guru kaunseling di sekolah-sekolah menengah di merata-rata negara kita dan maklumat ini saya rasa adalah penting untuk menjadikan garis panduan yang bagus kepada pelajar-pelajar yang berminat melanjutkan pelajaran mereka ke sebarang universiti di seberang laut. Saya

harap JPA boleh mengambil tindakan yang sesuai dalam kerja ini, supaya tidak menjejaskan masa hadapan pelajar-pelajar dan membazirkan wang ringgit ibu bapa mereka atas nasihat yang salah, yang diberikan oleh JPA.

Satu perkara lagi saya rasa, pada masa sekarang kalau kita bincangkan pengiktirafan sahaja, sebenarnya pengiktirafan itu adalah keputusan ataupun kesan yang didapati daripada akreditasi. Selepas Lembaga Akreditasi Negara ini memberi akreditasi terhadap sesuatu kursus, ia akan menentukan tahapnya sama ada diploma ini sesuai ataupun sepadan dengan tahun satu universiti tempatan ataupun tahun kedua ataupun tahun ketiga.

Saya diberi kefahaman bahawa ramai graduate daripada Kolej TAR yang ditawarkan diploma-diploma itu mereka dapat memasuki universiti-universiti di U.K tahun akhir ataupun tahap Master untuk melanjutkan pelajaran mereka masing-masing. Walaupun graduates dari Kolej TAR itu hanya diberikan sijil-sijil ataupun diploma-diploma sahaja, tetapi mereka itu mempunyai standard yang sama dengan ijazah-ijazah universiti-universiti tertentu dan mereka itu memang dianggap sebagai graduate oleh universiti-universiti di seberang laut. Oleh yang demikian, Lembaga Akreditasi Negara kita barangkali akan memberikan penilaian terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh kolej-kolej swasta itu pada tahap-tahap yang berlainan. Ada yang lebih tinggi standardnya sepadan dengan tahun kedua, ada yang lebih

tinggi lagi sepadan dengan tahun ketiga atau yang lebih tinggi lagi sepadan dengan graduate tahun keempat.

Jadi, saya harap Lembaga Akreditasi Negara ini boleh menggunakan garis panduan ataupun boleh memberikan garis panduan kepada ibu bapa-ibu bapa dan pelajar-pelajar terhadap standard sijil, diploma dan ijazah yang dikeluarkan oleh kolej-kolej swasta. Ini adalah penting kerana dengan cara ini, pelajar-pelajar boleh membuat pilihan terhadap kolej-kolej yang lebih ada standard dan kolej-kolej yang kurang standard dan sebagainya.

Tetapi kita tidak boleh katakan okay, kolej ini boleh kita masuk, kolej itu kita tak boleh masuk kerana semua IPTS itu adalah bebas menawarkan kursus-kursus yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan sama ada ianya adalah kursus yang berstandard tinggi ataupun kursus yang berstandard rendah. Tetapi keputusan LAN itu akan menentukan iaitu kualiti output daripada kolej itu, kalau kualiti output itu adalah bagus maka susulan-susulan akreditasi itu akan memberikan galakan kepada pelajar-pelajar yang memasuki kursus itu dalam kolej tertentu. Kalau akreditasi yang diberi itu kurang baik, maka secara automatik pelajar-pelajar itu tidak akan pergi ke kolej itu untuk mengambil kursus tertentu.

Tetapi kita mesti memberikan peluang untuk IPTS-IPTS itu maju dari setahun ke setahun. Katakan tahun ini kolej ini barangkali mendapat keputusan akreditasi yang kurang baik, tetapi tahun depan ataupun dua, tiga tahun yang

akan datang kemudahan kolej akan dimajukan, kakitangan akademik kolej itu akan diperbaiki, keputusan peperiksaan pelajar-pelajar kolej itu akan diperbaiki, maka LAN mesti kemaskinikan penilaian standard itu dari semasa ke semasa. Bukan katakan sekali sahaja bagi dia hidup atau mati, itu adalah penilaian yang mutlak. Sebenarnya, penilaian itu mesti diulangi tahun ke setahun kerana kemudahan dan kemajuan kolej-kolej swasta itu boleh bertukar dari tahun ke setahun.

Maka saya berharaplah LAN itu akan diberikan fungsi membuat penilaian dan juga keperluan membuat penilaian dari semasa ke semasa supaya dapat kemaskinikan rekod dalam akreditasi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap LAN itu akan membuat penilaian terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPT kerajaan juga berbanding dengan IPTS-IPTS oleh kerana IPT kerajaan tidak bebas ataupun tidak boleh dikecualikan daripada akreditasi ini. Saya berharap akreditasi yang diumumkan ini akan diberikan secara relatif iaitu secara bandingan di antara semua IPT, termasuk IPT kerajaan.

Semua output daripada kolej universiti kerajaan ataupun kolej universiti swasta dan IPT swasta mesti dibandingkan dengan satu cara akreditasi yang mempunyai asas yang sama. Jadi, dengan cara itu kita boleh memberikan galakan kepada universiti-universiti tempatan untuk maju dalam arah akademik

dalam memberikan pengajaran yang lebih baik, lebih efektif kepada pelajar-pelajar.

Saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan apa yang sudah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi. Kalau kita ikut saranannya iaitu kelayakan masuk ke dalam IPTS mesti sama dengan kelayakan masuk ke universiti tempatan, maka saya nampak tidak ada keperluan untuk kita membinakan IPTS-IPTS kerana sesiapa yang tidak boleh masuk universiti tempatan maka dia pun tidak mempunyai kelayakan langsung untuk memasuki IPTS kalau kita ikut apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

Sebenarnya dan sebetulnya IPTS yang kita binakan ini adalah untuk memberi peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar, malangnya bilangan yang besar pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kelayakan yang sesuai untuk memasuki universiti yang dianjurkan oleh kerajaan. Kalau mereka tidak mempunyai kelayakan untuk memasuki universiti-universiti tempatan, kalau kita ikut apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, mereka akan kehilangan kelayakan memasuki apa-apa IPTS di Malaysia. Ini adalah satu cara yang akan membazirkan ramai pemuda pemudi dan ini akan mewakili satu pembaziran tenaga manusia yang tentunya akan diharapkan untuk membina Malaysia ke arah Wawasan 2020.

Kita mesti memberikan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang gagal memasuki universiti-universiti tempatan sama ada kerana terhadnya tempat-tempat belajar di universiti tempatan ataupun oleh kerana mereka itu gagal mendapatkan kelayakan minimum untuk memasuki universiti tempatan khasnya syarat kepujian Bahasa Malaysia pada peringkat SPM. Kalau mereka sudah mempunyai kelulusan P7 atau P8 dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM sudah pun mencukupi kalau mereka terus belajar Bahasa Malaysia di dalam IPTS.

Kita sudah nampak ada satu peraturan yang sudah ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1995 untuk IPTS menjalankan kursus Bahasa Malaysia pada peringkat IPTS. Jadi, mereka tentu akan mendapat faedah ataupun maju dalam Bahasa Malaysia semasa belajar di dalam IPTS. Kita tidak boleh menghalang mereka daripada memasuki IPTS langsung. Saya rasa itu adalah satu saranan yang cukup serius, yang cukup menghalangi pelajar-pelajar daripada memasuki IPTS langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pengiktirafan yang diberikan kepada ijazah-ijazah yang didapati oleh pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke seberang laut itu akan ditentukan dengan isi kandungan dan standard kursus ijazah itu sebenar-benarnya, bukan bergantung kepada kelulusan kepujian Bahasa Malaysia yang didapati oleh pelajar yang berkaitan itu. Kalau dia tidak mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia, maka dia tidak boleh mendapat pengiktirafan ijazah-ijazah yang dikatakan sama standard dengan pelajar-

pelajar yang lain yang ada kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Saya rasa itu adalah satu anggapan yang sangat-sangat kurang adil.

Kita hanya anggap nilai ataupun standard ijazah itu dengan meninjau kualiti, struktur kursus itu semata-matanya, bukan bergantung kepada satu hal yang berasingan daripada kursus ijazah itu.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh mengasingkan dua perkara itu yang sepatutnya diasingkan dalam pertimbangan akreditasi dan pengiktirafan oleh badan-badan kerajaan terhadap ijazah-ijazah yang didapati oleh pelajar-pelajar.

Jadi, dengan itu saya ingin menyokong Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara. Sekian.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, Batang Lupar bangun. Hendak berucap?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah 3 kali bangun, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cuba pendekkan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insya-Allah, saya pun tidak ada modal hendak bercakap panjang. Kalau saya panjangkan ucapan, 2 jam pun bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

4.40 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya pada mula tidak hendak bercakap, tetapi kawan-kawan menjemput saya bercakap, jadi, kata orang - orang Islam, kalau kena jemput tidak datang, itu salahlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996 ini kerana pada pandangan saya ini adalah satu ekoran daripada Undang-undang Pendidikan 1996. Kalau kita telah dibenarkan meluluskan Rang Undang-undang Pendidikan 1996 di Dewan ini dan menubuhkan IPT di seluruh negara berlandaskan kelulusan oleh pihak kementerian, jadi, dengan sendirinya mutu dan kualiti pendidikan yang diberi di IPT ini mestilah dikawal selia dengan sebaik-baiknya, kerana kita tidak mahu 'manufacture'kan orang yang lulus dari universiti-universiti, sama ada kerajaan ataupun swasta, tetapi dalam masa yang sama kualiti yang kita keluarkan itu tidak mendatangkan hasil yang sepatutnya. Jadi, dalam keadaan yang demikian, saya memang menyokong, kalau tidak saya akan mencadangkan perkara ini patut ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, saya juga ingin menyokong saranan-saranan yang diberi oleh rakan-rakan yang terlebih dahulu

bercakap daripada saya iaitu Ahli Lembaga Akreditasi ini sepatutnya janganlah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, oleh kerana pengetahuan mereka dari segi mengurus, connection mereka kepada orang atasan ataupun sebagainya. Sepatutnya Ahli-ahli Lembaga ini mestilah terdiri daripada orang yang betul-betul boleh menjadi consultant kepada kerajaan, bukan akreditasi ini mencari 'consultant' untuk menasihatkan mereka, mereka dengan secara langsung boleh memberi nasihat kepada kerajaan di atas mutu dan kualiti pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat penting, orang yang kita lantik di dalam Lembaga ini mestilah orang itu sendiri mempunyai ilmu dan pengetahuan dalam bidang pendidikan dengan seluas-luasnya. Sepatutnya memanglah daripada universiti-universiti, sama ada IPT-IPT swasta atau universiti-universiti kerajaan. Jadi, bolehlah juga pegawai kerajaan ini masuk seorang dua, sebagai tali perhubungan di antara Lembaga ini dengan kerajaan. Mungkin untuk menasihatkan mereka ini tentang dasar-dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, saya ingin menyentuh satu perkara lain, iaitu soal kelulusan yang sepatutnya diterima boleh masuk ke dalam universiti swasta yang kita hendak rancangkan dibina di negara ini. Bukanlah saya tidak bersetuju dengan perkataan "menggunakan bahasa Malaysia" mestilah asas kelulusan yang patut diterima. Saya bersetuju bahasa Malaysia mesti diagungkan, bahasa Malaysia mesti kita ketengahkan, tetapi

kalau tujuan kita mengadakan IPT ini adalah untuk melatih anak negara ini sahaja, tetapi kalau tujuan kita meluaskan industri pendidikan di negara ini, dengan sendirinya kita tidak fikir orang Afrika, orang Amerika, Australia, Philipine ataupun Thailand, umpamanya, mempunyai kelulusan bahasa Malaysia untuk masuk ke universiti kita. Jadi, dengan sendirinya sepatutnya kelulusan bahasa Malaysia adalah kelulusan yang boleh diterima di universiti itu sendiri, tetapi bukan asas penerimaan ke IPT. Kerana kalau itulah kita buat - asas kelulusan yang kita gunakan, maka dengan sendirinya aktiviti kita adalah semata-mata untuk negara ini sahaja, walaupun kita menerima hakikat bahawa setiap masa dan setiap tahun kita mempunyai tidak kurang daripada 20,000 anak Malaysia, pemuda pemudi Malaysia ke luar negara, membelanjakan wang kita dari sini masuk ke sistem kewangan lain, wang Malaysia dibelanja di luar negeri untuk mencari pendidikan di universiti-universiti di luar negara, jadi, kita hendak tarik orang-orang ini supaya masuk ke universiti-universiti tempatan.

Jadi, kalau qualification ataupun kelulusan yang perlu digunakan untuk memastikan kualiti pendidikan, dengan sendirinya, sebagaimana yang diulaskan oleh kawan saya dari Tanjong Karang tadi yang mengatakan, kalau orang hendak pergi ke England, dia gunakan, apa yang saya termskan sebagai 'open certificate', kalau orang hendak belajar undang-undang, umpamanya, kalau masuk ke Oxford sekalipun adalah berkehendakkan 3 straight A - maknanya,

dalam satu peperiksaan dapat 3A tidak kira sama ada asas pendidikan itu bahasa Inggeris ataupun Sejarah dan yang lain boleh diambil daripada mata pelajaran lain. Tetapi kalau universiti-universiti lain, walaupun elit universiti di England, macam Cambridge, University of London, umpamanya, 2A ataupun 1B ataupun 3A - bukan straight A, - pun boleh masuk ke Universiti London ataupun Cambridge. Tetapi persoalannya ialah mereka tidak kira sama ada 3A itu lulus daripada A Levelnya. Kalau certificate kita mengeluarkan syarat “tidak lulus bahasa Inggeris, tidak lulus bahasa Malaysia, tidak lulus Matematik, tidak dapat certificate penuh”, tetapi kalau macam di negara England, dia kata 3 Straight A - tidak kira certificate, dia kira kelulusan subjek itu sahaja, boleh memasuki apa sahaja jurusan yang perlu berlandaskan asas subjek dan berlandaskan disiplin yang mereka hendak masuk ke universiti tersebut dan dengan sendirinya orang kita lebih ramai lagi yang boleh masuk ke universiti.

Jadi, dengan tidak ada keciciran, pemuda-pemudi kita boleh masuk ke universiti. Jadi, saya bukan sekali dua tetapi telah banyak kali bersetuju dengan sistem ‘open certificate’ ini kerana umpamanya, kalau seorang pelajar tidak boleh masuk ke universiti oleh kerana bahasa Inggerisnya tidak baik, tetapi pelajar ini brilliant dalam matematik, brilliant dalam fizik, brilliant dalam mata pelajaran yang lain, jadi dengan sendirinya orang yang sebegini baik dalam akademik lain, tetapi oleh kerana bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia tidak

dibolehkan masuk ke universiti, maka dengan sendirinya kita hilang orang yang sepatutnya mempunyai masa depan yang baik dalam bidang yang mereka minat.

Jadi, saya bersetuju kalau kita gunakan cara, bukanlah saya kata sistem di England itu baik, tetapi saya kata sistem itu membolehkan kita membanyakkan anak-anak kita masuk universiti. Mereka yang minat dalam subjek-subjek yang penting ini, terutama sekali dalam negara kita yang membangun yang ingin membanyakkan doktor, jurutera, arkitek dan lain-lain kelulusan teknikal yang sebegini, telah kita ketepikan.

Mereka ini tidak akan baik, menjadi buruh kasar begitu sahaja ataupun pekerja kilang, kerana minat mereka dari segi-segi benda yang baik, jadi, kalau tidak diterima di sini mereka akan ke luar negeri. Lagi kita membelanjakan wang kita ke luar negara untuk mencari ijazah. Tetapi bila dia balik dengan ijazah tadi, yang tidak diterima di universiti di sini tetapi diterima di Oxford, di Cambridge ataupun di Ivy League di Amerika, balik dengan ijazah, sama ada ijazah Sarjana Muda ataupun apa-apa degree sekalipun, bila dia balik diterima bekerja di negara ini. Tetapi apa bezanya, kenapa tidak diterima awal di universiti kita dan boleh diterima apabila lulus balik dari luar negeri - ini menunjukkan apa? Menunjukkan kita ini macam tidak tahu membuat keputusan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti pandang, kalau masa kita hendak membangunkan pendidikan ini, kita mesti pandang soalan-soalan yang bagini penting. Soalan yang tidak mencicir dan tidak mengeneipkan pemuda-pemuda kita yang patut masuk universiti. Tapi kalau umpamanya dia mempunyai satu subject yang begitu baik yang memungkinkan dia boleh masuk di mana-mana univesity Ivy League di Amerika ataupun di universiti elit di England, tapi tidak kita terima. Tapi kalau dia anak orang kaya, dia boleh pergi ke England atau Amerika. Tapi dia anak petani, anak orang kampung, orang kawasan saya umpamanya, mustahillah dia dapat pergi. Kalau bapa dia orang miskin, tak boleh hantar anak dia ke sana. Jadi, dia jadi nelayan, bahkan dia patut masuk universiti dan lulus qualification bertaraf universiti, tapi dia jadi nelayan. Jadi, kita telah tercicir orang yang begitu bermutu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang demikian kerajaan mestilah mengubah dasar dan Lembaga Akreditasi Negara ini mesti mengubah minda mereka. Soalan-soalan yang demikian mestilah memberi feedback kepada kerajaan apa yang sepatutnya dibuat dalam keadaan yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Bahasa Malaysia bukan bermaknanya semua Bahasa Malaysia itu orang Melayu sahaja yang baik. Dalam pengetahuan saya, kalau di Sarawak banyak anak Cina yang lebih pandai daripada anak Melayu dalam Bahasa Malaysia. Anak saya umpamanya, daripada primary six sampai form five dia dapat excellence dalam Inggeris.

Semua test english dia dapat excellence result, sampai thriple-one-nine dia dapat A plus, tak ada lagi markah yang di atas tu. Tapi Bahasa Malaysia tiap-tiap masa dia periksa dapat tiga sahaja. Jadi, dalam keadaan yang demikian, minat budak budak itu berlainan jadi untuk IPT kita, bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia bolehlah diajar selepas memasuki, kerana kita mesti accomodate orang masuk ke negara kita nak belajar di universiti-universiti di Malaysia. Kalau tidak tujuan kerajaan untuk membinakan Malaysia sebagai pusat pendidikan di rantau ini akan terjejas, kerana Bahasa Malaysia adalah satu asas bagi memasuki universiti.

Tuan Yag di-Pertua, soal mutu. Mutu pendidikan adalah satu, tapi mutu daripada menjadi human resouce adalah yang kedua. Orang kadang-kadang mendapat kelulusan yang kurang matang tetapi bila sudah mempraktikkan ilmu dia menjadi yang baik umpamanya David Mashall, kelas tiga dapat degree undang-undang, tapi menjadi salah seorang peguam yang agung di Asia pada ketika itu. Jadi, bagitu juga banyak yang mempunyai rekod-rekod yang baik tidak bermakna akademik dia excellence. Jadi, dalam keadaan yang sama, dengan keadaan yang demikian, kita mesti memastikan latihan selepas itu juga mesti kerajaan melihat. Umpamanya peguam-peguam dibuatkan satu chambering ataupun tutelage yang ada sekarang ini. Bagitu juga sepatutnya pihak-pihak jurutera, pihak-pihak akauntan, pihak-pihak perancang bandar dan

daerah, itu juga patut diberi sistem tutelage ini. Jadi, masalah macam ini Lembaga Akreditasi Negara patut feedback kepada kerajaan kerana kalau umpamanya Highland Towers yang jatuh di Ulu Kelang tu, kalau Jabatan Perancang Daerah dan Bandar buat satu penyelidikan yang betul, saya berbincang dengan banyak jurutera soal ini, dia kata kalau satu bukit, jangan dimajukan satu tempat, jangan, kerana kalau dia buat “pile” satu tempat yang bergegar itu tadi bangunan itu terjejas. Jadi, kata dia kalau hendak rancang satu bukit, seluruh bukit itu dirancang dan dibangun sekali. Jadi, idea-idea dari mereka ini patut didengar dan begitu juga pihak perancang bandar dan daerah jangan diketepikan mereka yang berkelulusan sedemikian. Nasihat-nasihat mereka mesti kita dengar.

Jadi, kalau dibuat satu latihan selepas kelulusan sebelum boleh dipraktikkan ilmu yang dia dapat dan memberi nasihat kepada orang lain, satu sistem yang kedua untuk melatih mereka ini sebagai peguam dan begitu juga doktor. Umpamanya doktor pada masa sekarang bila dilatih ialah latihan dari segi ilmu mempraktikkan perubatan dia sahaja, tapi daripada komunikasi dengan orang kadang-kadang doktor belum dilatih. Itulah banyak kompelin yang kita terima mengatakan doktor ini tak ada mengikut etik dia, doktor ini tidak bercakap dengan begitu baik dengan orang-orang yang jumpa dengan dia. Oleh kerana latihan masa housemanship itu hanya diberi berlandaskan macam mana keluarkan ubat, macam mana nak check orang, macam mana nak belah

perut orang ataupun operasi, itu sahaja yang dia tahu, tapi dari segi etik, manners, cara-cara bersopan dengan orang, cara-cara nak bersopan dengan orang, tak dilatih. Jadi, dalam keadaan yang demikian, saya percaya benda-benda ini patut juga dilatih; semua orang yang dikatakan profesional ini dalam segi profesion mereka sebelum dia benar-benar mempraktikkan ilmu-ilmu mereka dan menjadi penasihat kepada orang ramai. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, nak bagi tahu saya jangan cakap panjang sangatlah. Ya, dah tahu tu, kerana kita sama-sama wave lenghts. Jadi, Yang di-Pertua saya tak cakap banyaklah ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, contoh itu memang sedap didengar tapi oleh kerana kesuntukan masa, ya. Saya minta Yang Berhormat..

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, ya...

Tuan Yang di-Pertua: Padatkan ya....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, pasal pengiktirafan, pengiktirafan ini saya bersetuju betul dengan Bukit Mertajam tadi. Pada suatu ketika dulu Yang di-Pertua, ada kelulusan daripada Maktab MARA, jadi bila dia nak masuk, dia kata kerajaan tidak bagi arahan yang kelulusan yang diberi oleh MARA telah diiktiraf oleh pihak kerajaan. Pada masa itu tidak ada koordinasi langsung di antara kerajaan dengan pihak MARA. MARA boleh manufacture orang berkelulusan yang demikian tapi masa yang sama pihak kerajaan tidak menerima ataupun mengiktiraf. Jadi, saya berharaplah apa-apa

saja jurusan ataupun disiplin yang dirancangkan oleh pihak badan atau universiti itu mestilah dinilai dahulu oleh pihak Lembaga Akreditasi Negara dan apabila telah dinilai dan dianggap bernilai tinggi atau bermutu tinggi dan pihak kerajaan mestilah menerima ataupun mengiktiraf, kalau tidak memberi tahu kepada pihak IPT supaya jangan maju atau jangan memberi disiplin yang demikian di IPT mereka, kalau tidak kita hanya buat tetapi tidak diiktiraf. Jadi, kalau tidak diiktiraf maknanya dalam masa tiga tahun, empat tahun belajar di universiti itu tidak mendatangkan hasil bahkan membazirkan wang kepada mereka yang telah terlibat. Jadi, dalam keadaan yang demikian, masa pun sudah singkat, Yang di-Pertua telah memberi nasihat, saya pun akur dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

Dato' Seri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara.

Reformasi pendidikan yang sedang diperjuangkan oleh kerajaan pada masa ini melibatkan perubahan pertamanya dari segi keupayaan, tempat-tempat untuk pelajar-pelajar kita di peringkat institusi pendidikan tinggi. Kerajaan amat sedar bahawa tempat yang dapat disediakan di IPT awam di negara kita amat terbatas berbanding dengan permintaan untuk memasuki IPT-IPT awam.

Di samping itu kita terpaksa menghantar lebih kurang 50 ribu lebih pelajar-pelajar kita ke luar negara dan ini membebankan dari segi kewangan kerana telah di tafsirkan lebih kurang 2.5 bilion setahun mengalir keluar daripada sistem kewangan negara kita disebabkan pelajar-pelajar kita membuat pengajian di luar negara. Oleh itu kerajaan adalah amat tegas dan komited, supaya tempat yang dapat disediakan di IPT awam dan juga swasta di negara kita akan dapat ditambah ditingkatkan bukan secara berperingkat-peringkat atau pun berdikit-dikit tetapi secara lonjakan berganda ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, quantum leap.

Pada masa ini kalau diambil kira tempat-tempat yang dapat disediakan di dalam dan di luar negara kita telah anggarkan seramai 1% ataupun sebanyak 11.46% daripada cohort pelajar di antara umur 19 - 24 tahun yang dapat peluang pendidikan tinggi di dalam atau di luar negara. Jumlah ini walaupun sudah bertambah tetapi tidak mencukupi lebih-lebih lagi memang tidak sesuai kalau Malaysia hendak mencapai taraf negara maju dan negara industri maka peratusan ini perlulah ditingkatkan kepada satu jumlah yang jauh lebih tinggi. Jesteru itu reformasi pendidikan yang kita usahakan ini menjanjikan supaya menjelang tahun 2020 angka 11.46% ini akan bertukar menjadi 40%. Kerajaan sedang membuat perancangan supaya perkara ini akan menjadi kenyataan dengan perkembangan kepada IPT awam di mana setiap IPT awam telah diarah supaya menambah kapasiti masing-masing sehingga 20 ribu dan

kerajaan akan membenarkan IPT swasta yang bertaraf universiti ditubuhkan di negara kita untuk mencapai matlamat 40% menjelang tahun 2020.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Penjelasan - daripada angka-angka yang diberi oleh Y.B. Menteri bahawa menjelang tahun 2020 ialah untuk sampai 40% cohort di kategori Malaysia yang antara umur 19 ke 24. Adakah target untuk tahun 2000 ialah 30% yang ada diumumkan oleh Kementerian Pendidikan dalam plan charter dalam tahun baru-baru ini, 30% untuk tahun 2000.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abd. Razak[Pekan]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada hakikat pada masa ini kita berada di tahap 11.46% dan kalau dalam tahun 2000 kita hendak mencapai tahap 30% dan hanya tinggal 4 tahun sahaja. Mungkin secara realistik, Tuan Yang di-Pertua, tak mungkin kita dapat sampai ke tahap 30% menjelang tahun 2000. Walau bagaimanapun kita akan mengusahakan perkembangan yang lebih pesat lagi dan perkembangan ini tidaklah bererti bahawa kita akan compromi dari segi kualiti ataupun standard, maknanya kita akan tambah tempat tetapi kita akan pertahankan malah kita akan mempertingkatkan lagi standard ataupun mutu pendidikan tinggi di negara kita.

Sebab itulah kita memperkenalkan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi di negara ini supaya ada sebuah badan yang berwibawa sepertimana yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bukit Mertajam,

Balik Pulau supaya badan ini mempunyai kewibawaan dan credibility untuk membuat penilaian dan untuk membuat pengiktirafan dan kerja-kerja akreditasi yang akan membolehkan mutu kawalan ditentukan pada standard atau pun piawaian yang minimum yang boleh diterima oleh kita untuk membolehkan perkara ini menjadi kenyataan. Di antara pra syaratnya ialah supaya komposisi Pengerusi dan Ahli Lembaga LAN ini terdiri daripada mereka yang berwibawa.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap telah melahirkan hasrat supaya mereka yang berwibawa dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah dan sebenarnya kerajaan telah pun memasukkan dalam Fasal 5(2) dalam Rang Undang-undang ini yakni kalau saya boleh baca Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi dan Ahli Lembaga hendaklah daripada kalangan orang-orang yang berjaya mempunyai kedudukan dan berpengalaman dalam bidang akademik atau daripada kalangan profesional yang mempunyai pengalaman yang relevan dalam hal-hal pendidikan. Ini satu penegasan yang telah dibuat oleh kerajaan, maknanya menteri yang hendak melantik anggota Lembaga ini hendaklah membuat keputusan berlandaskan kepada apa yang tersurat di perenggan ataupun Fasal 5(2) ini.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perlantikan anggota LAN ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa bukan sahaja ahli-ahli yang berwibawa dilantik tetapi perlantikan pun akan membayangkan ada satu

majlis yang berbilang bangsa - saya ada laporan Universiti Teknologi Malaysia di hadapan meja dimana kita boleh lihat pihak mengenai keanggotaan ahli majlis Universiti Teknologi Malaysia di mana 20 orang semualah satu kaum dan tidak membayangkan berbilang bangsa, bolehkah kita diberikan satu jaminan bukan sahaja ada ahli yang berwibawa tetapi yang multiracial.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana LAN yang bertanggungjawab untuk mengawal selia perjalanan IPTS Institusi Pengajian Tinggi Swasta maka komposisi LAN di ambil di kalangan ahli-ahli akademik atau dari kalangan ahli profesional dan kita akan cuba mencerminkan komposisi yang difikirkan sesuai dalam erti kata kita mengambil kira pandangan bahawa perlu adanya komposisi yang berbentuk pelbagai kaum tetapi pada asas yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi arah tuju pendidikan negara kita Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah bertanya tentang ke arah mana perkembangan pendidikan tinggi di negara kita. Beliau telah pertamanya bertanya kenapa tidak ada pandangan-pandangan yang diberikan oleh ahli-ahli akademik. Beliau minta supaya ada pencambahan pandangan ataupun brainstorming di kalangan ahli-ahli akademik dibuat dan dilakukan. Dalam perkara ini sukacita saya memaklumkan bahawa memang ada proses yang kita dilakukan meminta pandangan daripada ahli akademik yang dilakukan secara tertutup tanpa menghebahkan perkara ini secara terbuka dan sebarang

keputusan yang dibuat adalah berasaskan kepada proses discourse dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang dilakukan, perbincangan dalaman yang dilakukan, percambahan fikiran yang diminta sebelum sesuatu keputusan yang dibuat.

Tetapi saya suka dalam perkara ini menyatakan bahawa menjadi sifat semula jadi ahli-ahli akademik, bahawa mereka akan memberi pandangan yang berbeza-beza. Kalau kita selalu menuntut kepada pandangan, akhirnya kita akan menjadi kaku, sebab takut hendak membuat sesuatu keputusan kerana pelbagai pendapat akan diutarakan. Kerajaan tidak mampu bersikap sedemikian sehingga mengutamakan proses percambahan fikiran daripada membuat keputusan yang tegas, dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'decisive'. Kita perlu perubahan, kita perlu ketegasan dan kita perlu menangani agenda pembangunan negara yang hendak kita laksanakan dengan proses yang agak segera, memandangkan bahawa agenda utama Wawasan 2020 menuntut kepada pencapaian status negara maju dalam masa yang begitu singkat sekali.

Jadi, kalau sekiranya ada anggapan bahawa kita kurangkan tempoh pengajian daripada 4 kepada 3 tahun tanpa perbincangan yang mendalam, perkara itu tidak benar. Tetapi ada satu hakikat bahawa dalam bidang pendidikan semua orang ada pendapat. Ini satu hakikat yang kita mesti terima, dan tidak semungkin pendapatnya sama. Kalau kita tanya 10 orang, mungkin ada 10 pendapat yang berbeza. Tetapi keputusan perlu dibuat, perubahan perlu dilakukan, agenda pembangunan negara hendak dilaksanakan.

Jadi, inilah yang saya katakan bahawa dalam kita membenarkan proses percambahan fikiran ini, tetapi janganlah proses itu yang diutamakan, tetapi akhirnya membelakangkan keperluan membuat keputusan yang tegas dan ‘decisive’, kerana cuma keputusan yang tegas dan ‘decisive’ sahaja akan membawa kepada lonjakan berganda dari segi pencapaian bidang pembangunan dan pembangunan pendidikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Datuk Joseph Pairin Kitingan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Keningau bangun.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah dalam proses untuk memutuskan perbincangan di mana pendapat itu berbeza-beza akan melalui proses pengundian di dalam mencapai keputusan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada proses pengundian dalam membuat keputusan. Tetapi kita benarkan mereka memberi pandangan. Akhir sekali, kerajaan kena ambil tanggungjawab untuk membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan soal ‘Tabung Pinjaman Pelajar atau Tabung Pendidikan Nasional’. Sukacita saya maklumkan bahawa pengwujudan tabung ini adalah pada peringkat akhir. Dalam kajian Kementerian Pendidikan dan Kementerian

Kewangan, beberapa isu hendaklah diselesaikan, termasuklah saiz dananya, kriteria kelayakan, beban pinjaman kepada pelajar, kadar faedah dan sebagainya. Apabila kajian ini sudah selesai dilakukan, maka kerajaan akan melancarkan tabung ini sepertimana yang telah dijanjikan. Malah kalau sekiranya IPTS akan bercambah di negara kita, bertaraf universiti, maka kita perlu sekali gus melancarkan Tabung Pinjaman Pelajar ini. Kalau tidak, masalah untuk mendapat tempat bagi golongan miskin dan kurang berpendapatan, golongan dari luar bandar, golongan dari kawasan pedalaman, seperti kawasan Batang Lupar dan sebagainya, kumpulan-kumpulan seperti ini kita tidak mahu mereka terlepas peluang daripada menikmati peluang pendidikan di universiti-universiti swasta yang akan ditubuhkan di negara kita.

Jadi, kalau kita sebut universiti-universiti yang dikatakan di ivy league universities, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, maka kita hendak juga orang-orang kampung dapat peluang, dapat tempat di universiti-universiti sedemikian yang akan ditubuhkan di negara kita nanti. Jadi, Tabung Pinjaman Pelajar akan dilancarkan oleh kerajaan tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga menyentuh tentang kita perlu bersikap kreatif dalam soal menyediakan peluang pendidikan tinggi di negara kita. Lantaran itu beliau telah menyarankan supaya cadangan KUB untuk melaksanakan konsep “virtual university” diberi pertimbangan yang sebaik mungkin oleh pihak kerajaan. Kita telah pun memasukkan di dalam

Rang undang-undang IPTS, Akta IPTS di mana sebarang bentuk pengajian yang menggunakan teknologi moden, elektronik dan sebagainya, pendidikan jarak jauh, termasuklah pendidikan ala-virtual university ini, memang tertakluk di bawah IPTS dan LAN. Jadi, konsep virtual university ini menarik. Memang kerajaan tidak menolak kemungkinan bentuk universiti sedemikian boleh menjadi realiti di negara kita. Namun demikian, kerajaan perlu mengkaji, meneliti supaya konsep virtual university ini dapat menepati piawaian minimum dan standard akan ditentukan oleh LAN nanti. Jadi, jawapannya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Apabila sebut mengenai apa yang disebut sebagai virtual university, apa sudah terjadi kepada konsep universiti terbuka atau open university yang ada di dalam 'outline perspective plan' menjadi satu objektif. Tetapi nampak baru-baru ini sangat diam dalam perkara ini, yang sepatutnya menjadi satu institusi di mana 'long distance learning' akan diutamakan. Adakah ini masih menjadi tujuan objektif Kementerian Pendidikan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:
Perkembangan pendidikan jarak jauh akan membawa kepada peluang pendidikan yang hampir luas, hampir sama seperti open university. Yang

bezanya ialah pendidikan jarak jauh ini kita dapat mengawal mutu dan standard secara lebih tepat lagi dan lebih berkesan lagi. Jadi, kerajaan pada masa ini.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah open university ada digariskan sebagai satu universiti baru yang akan ditubuh dalam dekad ini, khasnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, mulai di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Tetapi baru-baru ini nampaknya perkara ini tidak didengar mengenai apa-apa perancangan sama ada ia masih menjadi tujuan target kerajaan untuk ditubuh dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, apakah usaha dibuat?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memberi penekanan kepada pendidikan jarak jauh. Perkembangan pendidikan jarak jauh ini lebih menepati dari segi pengawalan standard dan mutu. Sebab itu, pada masa ini kita fikir sudah memadai konsep pendidikan jarak jauh ditambah dengan IPTS bertaraf universiti yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa kerajaan sudah lepaskan atau ketepikan target open university dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebagai satu universiti?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak menolak, tetapi pada masa sekarang ini kita akan memberi tumpuan kepada pendidikan jarak jauh dan percambahan universiti swasta, Tuan Yang di-Pertua.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga mengharapkan supaya Bahasa Kebangsaan diberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan meremehkan

kedudukan Bahasa Kebangsaan. Fasal 42(1) Rang Undang-undang Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 memperuntukkan Bahasa Kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar bagi kursus-kursus pengajian yang dijalankan oleh sesebuah IPTS. Oleh itu dalam hubungan ini, kedudukan bahasa sudah terjamin di bawah akta ini.

Di samping itu, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, cadangan supaya syarat kemasukan pada tahap kepujian dalam Bahasa Malaysia ditentukan untuk kemasukan ke IPTS dan perkara ini telah mendapat pandangan yang di sebaliknya oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang merasakan bahawa tidak perlu ataupun tidak adil kalau syarat-syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta disamakan sebab konsepnya ialah berbeza dan kita hendak memberi peluang yang lebih untuk mereka memasuki pendidikan yang tinggi.

Dalam perkara ini, sukacita saya jelaskan bahawa peruntukan untuk penguasaan Bahasa Kebangsaan sudah pun termaktub di dalam Akta IPTS di mana seksyen 41(4) dan seksyen 41(5) menetapkan bahawa Bahasa Kebangsaan hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib dan merupakan prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma dan ijazah di IPTS. Jadi, kalaulah IPTS itu mendapat pengecualian dari segi penggunaan bahasa, namun kita tetapkan bahawa syaratnya Bahasa Kebangsaan mestilah dipelajari dan mesti lulus sebelum sijil ataupun ijazah akan dianugerahkan. Jadi, tidak perlulah

syarat tambahan. Sudah cukup dengan ini dan penguasaan bahasa Malaysia ataupun Bahasa Kebangsaan akan ditentukan melalui peruntukan sedemikian.

Kita juga menetapkan apabila Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini dan pelajar-pelajar dari luar negara belajar di sini, maka mereka juga dikehendaki mempelajari Pengkajian Malaysia (Malaysian Studies) dan mereka juga akan mempelajari Bahasa Kebangsaan tetapi tidaklah sebagai prasyarat untuk memperolehi sijil.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perjalanan LAN ini nanti, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau menyarankan supaya LAN tidak patut merupakan satu birokrasi. Sukacita saya jelaskan bahawa dari segi struktur LAN, dicadangkan tidak menjadi besar dan tidak birokratik dan kita hendak sebuah badan yang akan diuruskan dengan cara yang efisien dan akan bergerak dengan cara yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah LAN ini sepertimana disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, LAN diberi tanggungjawab untuk menilai dan mengiktiraf kursus-kursus yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi awam, pada masa ini penyeliaan dan pengawasan standard pendidikan di institusi pendidikan awam adalah tanggungjawab institusi itu sendiri di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Walau bagaimanapun, apabila LAN sudah pun bergerak dan amat jelas LAN merupakan sebuah badan yang berwibawa, kerajaan boleh mempertimbangkan supaya LAN menjadi badan

tunggal menentukan piawaian dan standard bagi IPTS dan IPTA. Dengan ini, asas penilaian yang sama akan wujud dan suasana persaingan yang lebih dinamik akan menjadi kenyataan. Saya bersikap bahawa institusi pengajian tinggi awam kita juga haruslah didedahkan kepada penilaian yang objektif dan pihak orang ramai juga harus mengetahui kemampuan setiap IPT awam dan swasta. Mungkin kita boleh....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong pandangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Tetapi adakah beliau sedar bahawa hujah-hujahnya ada satu kontradiksi apabila beliau berkata bahawa apabila LAN adalah ditubuh dan menjadi berwibawa, bahawa institusi pengajian tinggi awam boleh diberi di bawah 'jurisdiction'nya dan ini adalah satu conotation bahawa sampai sekarang LAN yang akan ditubuh tidak akan mendapat kewibawaan dan ini pun akan undermine kepercayaan kepada LAN dan keengganan pihak kementerian untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam di bawah LAN menunjukkan bahawa kerajaan tidak ada keyakinan, khasnya untuk peringkat permulaan. Bukankah lebih baik sekaligus apabila LAN ditubuh untuk memastikan bahawa ia ada kewibawaan bahawa bukan sahaja IPTS tetapi institusi pengajian tinggi awam pun di bawah LAN?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, inilah sikap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Selalu dia curiga apa kerajaan hendak buat. Saya sudah kata, "bila sampai pada masanya." Bila sampai pada masanya kita akan buat demikian. Pada masa sekarang ini sudah cukup. Mekanisme sudah ada, MPTN akan ditubuhkan, Dewan Senat ada dan penilaian dari luar negeri pun ada, external examiners pun ada, dengan izin. Jadi, sudah cukup. Jadi, bila sampai masanya kemampuan LAN sudah bertambah, maka kita boleh masukkan pertimbangan LAN membuat penilaian untuk institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta dan tidak ada niat untuk kita hendak melindungi institusi pengajian tinggi awam dari segi penilaian dan objektif. Tidak seharusnya ada kecurigaan pada pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan IPTS ini sama ada kerajaan akan bersikap melihat kepada perkembangan dari segi elitis sahaja, maknanya kita akan menentukan bilangan yang sangat kecil sahaja ataupun kita akan membenarkan percambahan IPTS. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini mesti ada penyesuaian di antara permintaan dan pembekalan melalui sistem pendidikan negara kita. Kita kena lihat permintaan dari segi guna tenaga untuk negara kita walaupun saya terima hakikat bahawa pendidikan bukanlah hendak mengisi keperluan guna tenaga sahaja, tetapi pendidikan merupakan, dengan izin, holistic dan kita membina sebuah

peradaban. Kita akan melihat dari sudut dua ekstrim pola ini. Satu ekstrim ialah bersifat terlalu elitis, satu sifat membenarkan percambahan dengan sikap yang terlalu liberal. Saya fikir, tidak sesuai kalau kita mengikut jejak langkah lain-lain negara di mana pembawa teksi pun ada degree. Saya fikir itu tidak sesuai kalau kita ikut cara sedemikian. Tetapi sebaliknya, kalau hanya orang-orang tertentu sahaja mendapat pendidikan tinggi, saya fikir perkara itu pun tidak wajar. Jadi, ini bertentangan dengan konsep pendemokrasian pendidikan.

Jadi, kita akan pilih di antara dua ekstrim ini dan kita akan melihat kepada soal permintaan dan soal menentukan IPTS kita ini bila diwujudkan nanti, ada kemampuan untuk menjalankan perjalanan universiti itu secara berterusan dan tidak tergendat kerana pelaburan untuk mewujudkan universiti swasta cukup tinggi. Jadi, kita mesti menentukan bilangan pelajar cukup, kemampuan dari segi pensyarahnya dapat bilangan dan mereka yang berwibawa. Jadi, mesti ada pertimbangan daripada beberapa aspek. Jadi, sebab itulah kita masukkan dalam IPTS bahawa mana-mana IPTS yang hendak ditubuhkan mesti atas pelawaan ataupun jemputan Menteri Pendidikan.

Jadi Menteri Pendidikan boleh menentukan mana-mana pihak yang hendak diundang untuk menubuhkan universiti. Jadi, dengan adanya usaha seperti ini adalah kawalan dan adalah penentuan dan bila disekalikan dengan pengwujudan LAN, maka bilangannya yang bertambah, tempat dapat

disediakan dengan lebih banyak, tetapi kualiti minimum dan kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, Insya-Allah akan dapat ditentukan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pendemokrasian pendidikan dan satu sikap yang adil yang patut diambil oleh pihak kerajaan terhadap kewujudan IPTS. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan mengenai kedudukan sekarang mengenai permohonan Kolej Zaman Baru atau New Era College, oleh kerana ini pun akan membayangkan sikap yang akan diambil oleh kerajaan terhadap isu pendemokrasian pendidikan dan sikap terhadap kewujudan IPTS?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak kena-mengena. Ini soal kualiti, ini secara spesifik, soal permohonan atas nama New Era College. New Era College ini masih lagi dalam pertimbangan, kita belum membuat apa-apa keputusan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak terangkan soal istilah “akreditasi” yang digunakan kerana didapati lebih sesuai kerana ini juga pengalaman secara universal dan kalau dikatakan “pengiktirafan”, maksud “pengiktirafan” itu lari sedikit daripada maksud “akreditasi” kerana “akreditasi” membawa maksud penentuan dari segi kualiti dan standard yang ditentukan.

Tentang istilah “sita”. “Sita” ini diambil dari bahasa Indonesia. Jadi, asas Melayu itu memang ada. Digunakan “sita” kerana, dengan izin, maksudnya ialah “seize” dalam Bahasa Inggeris. Kalau kita gunakan “rampas”,

ini membawa maksud yang lain kerana “rampas” tidak boleh digunakan kerana sudah digunakan untuk confiscate, dengan izin. Lagi pun, “rampas” membawa maksud pengambilan secara paksa yang tidak mengikut undang-undang. Jadi, kita pilih istilah “sita”, lebih sesuai.

Inilah di antara masalah yang agak rumit yang sedang cuba dicari penyelesaian oleh kerajaan. Kabinet pun sudah minta supaya jawatankuasa di antara Jabatan Peguam Negara dan Dewan Bahasa berfungsi semula untuk menyelesaikan soal pengistilahan undang-undang ini sebab maksud undang-undang spesifik. Maksud bahasa agak meluas, boleh bermaksud dengan dua tiga atau empat maksud.

Jadi, yang menjadi masalah, bila terjadi sesuatu perkara yang dibawa di mahkamah, maka perkataan yang digunakan dalam setiap akta itu mestilah tepat dan spesifik dengan tujuan sesuatu peruntukan itu disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain saya ambil kira dan sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Insurans 1996 iaitu suatu akta untuk mengadakan rang undang-undang baru bagi perlesenan dan pengawalseliaan perniagaan insurans, perniagaan pembrokeran insurans dan perniagaan

‘pengadjusteran’ dan bagi maksud lain yang berhubungan dengannya dibacakan untuk kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk memperkuat lagi rangka perundangan penyeliaan dan pengawalan industri insurans. Ianya adalah untuk memastikan penanggung insurans lebih bertanggungjawab sebagai pemegang amanah kumpulan wang awam, memperkukuhkan kedudukan kewangan, menanggung insurans dalam memberikan perlindungan yang lebih luas kepada semua pemunya polisi serta memastikan penanggung insurans beroperasi mengikut prinsip-prinsip dan amalan-amalan insurans yang sihat dan berpatutan. Ini seterusnya membolehkan industri insurans untuk berkembang setanding dengan lain-lain institusi kewangan dalam memenuhi peranannya dalam ekonomi negara.

Oleh kerana pindaan yang dicadangkan adalah luas, adalah wajar Akta Insurans 1963 (akta dimansuh) dan digantikan dengan suatu akta yang baru. Ini kerana berdasarkan kepada pengalaman yang diperolehi semasa mentadbir akta, adalah penting bahawa kekosongan dan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam akta diperbaiki secara komprehensif dan sebarang peruntukan yang tidak selaras dikeluarkan supaya rang undang-undang selaras dengan perundangan-perundangan lain seperti Akta Syarikat 1965 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Ini akan menjadikan pemakaian dan penguatkuasaan rangka perundangan

insurans yang baru nanti lebih berkesan dalam mengawalselia industri insurans di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Insurans 1996 telah didraf dengan objektif serampang dua mata iaitu memberi Bank Negara Malaysia kuasa pengawalseliaan yang cukup di samping memberi ruang yang mencukupi kepada industri insurans untuk berinovatif dan berkembang dengan cara yang tersusun.

Atas dasar ini, rang undang-undang ini adalah dirumuskan untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya semula masalah-masalah kewangan yang boleh membawa kepada penggulungan sesuatu penanggung insurans seperti yang telah berlaku pada masa lepas.

Semasa mendraf rang undang-undang ini peruntukan-peruntukan kewangan yang utama seperti modal syer berbayar yang minimum, lebihan aset berbanding dengan liabiliti yang juga dikenali sebagai margin kesolvenan, penilaian aset-aset, kawalan kos pengendalian perniagaan dan beberapa keperluan lain telah pun dibincangkan secara mendalam dengan pihak-pihak yang terlibat, termasuk penanggung-penanggung insurans, broker insurans dan ajuster. Pandangan dan ulasan daripada mereka dan berbagai-bagai persatuan insurans telah juga diambil kira semasa rang undang-undang ini didrafkan.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan rang undang-undang ini tidak akan memberi kesan kepada Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990 tetapi akan memansuhkan -

- (a) Life Assurance Companies (Compulsory Liquidation) Act 1962 dan Life Assurance Companies (Compulsory Winding Up) Rules 1963 yang dibuat di bawah Rules Committee Ordinance 1955 dan diterbitkan sebagai (L.N. 250) pada 26hb. September 1963; dan
- (b) Akta Insurans 1963.

Peruntukan rang undang-undang menerimapakai rejim kawalan dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) dengan tujuan untuk memperkuat lagi pengawalseliaan Bank Negara Malaysia ke atas industri insurans dan membuatkan perlaksanaan kuasa, tugas dan fungsi statutorinya lebih berkesan. Untuk memastikan penanggung insurans mematuhi peruntukan-peruntukan rang undang-undang ini, hukuman yang lebih berat adalah dicadangkan. rang undang-undang akan mengawal selia keseluruhan operasi penanggung insurans yang diperbadankan di Malaysia berbanding dengan Akta yang cuma terpakai ke atas operasi perniagaan insurans dalam Malaysia sahaja.

Adalah dicadangkan takrif-takrif di dalam Akta diperkemas dan ditambah dengan takrif-takrif baru di dalam (Bahagian I) rang undang-undang. Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa Bank Negara Malaysia adalah pihak berkuasa yang mengawal selia industri insurans. Gabenor akan bertindak bagi pihak Bank Negara Malaysia dan akan menjalan, melaksana dan

menguatkuasakan segala kuasa, kewajian dan fungsi yang diberi kepada Bank Negara Malaysia di bawah rang undang-undang ini.

Bahagian II memperuntukkan bagi pelesenan penanggung insurans, penanggung insurans semula profesional, broker insurans dan ajuster (kesemua mereka ini dipanggil pemegang lesen di bawah rang undang-undang). Antara perkara-perkara baru yang akan dimasukkan di bawah bahagian ini adalah pengenaan sekatan ke atas lesen dan keperluan-keperluan modal, manakala kuasa Bank Negara Malaysia untuk mengenakan syarat-syarat baru, membatalkan lesen dan mengenakan fee dikekalkan. Menteri Kewangan adalah diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada penanggung insurans dan penanggung insurans semula profesional, manakala Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan lesen kepada broker insurans dan ajuster. Bank Negara Malaysia juga akan diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen broker insurans dan ajuster untuk tempoh tertentu yang boleh melebihi atau kurang daripada tempoh 12 bulan. Pemegang lesen adalah dikehendaki di bawah Bahagian II ini untuk memperolehi kelulusan Bank Negara Malaysia terlebih dahulu sebelum dokumen konstituen mereka boleh dipinda.

Bahagian II juga memperuntukkan bahawa seorang pemohon bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan insurans, hendaklah merupakan suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Keperluan

ini bertujuan memastikan operasi penanggung insurans adalah lebih jelas dan telus. Langkah ini akan menghasilkan kelebihan-kelebihan seperti berikut:

- (a) tiada halangan ke atas hak untuk memindah milik syer;
- (b) tiada had ke atas bilangan pemegang-pemegang syer; dan
- (c) tiada sekatan untuk menjemput orang awam untuk melanggan syer atau debentur penanggung insurans.

Rang undang-undang ini juga menghendaki penanggung insurans asing yang beroperasi sebagai cawangan di Malaysia untuk memperbadankan syarikat mereka di dalam Malaysia. Perbadanan tempatan ini perlu untuk memastikan mereka lebih komited dalam menjalankan perniagaan insurans di Malaysia melalui pengekalan kumpulan wang modal dan bukan kumpulan wang kerja bersih sahaja. Langkah ini akan membolehkan objektif Dasar Pembangunan Nasional dicapai di mana penubuhan lembaga pengarah tempatan adalah seiring dengan aspirasi dan objektif kerajaan.

Akta tidak mempunyai peruntukan mengenai modal syer berbayar yang minimum yang diperlukan sebagai kehendak syarat pendaftaran penanggung insurans atau pelesenan broker insurans atau ajuster. Kehendak modal syer berbayar yang minimum adalah selaras dengan keperluan undang-undang insurans yang baru yang menghendaki penanggung insurans dijadikan syarikat awam. Justeru itu, adalah dicadangkan supaya suatu peruntukan yang menghendaki pemegang lesen mengekalkan modal syer berbayar yang

minimum dan amaun tersebut akan ditetapkan melalui peraturan-peraturan dimasukkan ke dalam Bahagian II rang undang-undang. Modal syer berbayar yang minimum bagi penanggung insurans asing adalah dalam bentuk lebihan aset berbanding dengan liabiliti yang dipegang di dalam Malaysia.

Pada masa ini, akta tidak melarang pemegang lesen daripada menceburi aktiviti bukan insurans serta mempunyai usaha sama dengan pihak-pihak lain untuk mengendalikan perniagaannya. Oleh kerana itu, adalah dicadangkan supaya Bahagian II rang undang-undang memperuntukkan yang berikut -

- (a) penanggung insurans berlesen adalah dilarang daripada menjalankan anuiti pasti (dengan izin, “annuity certain”) atau perniagaan insurans berkaitan pelaburan kecuali dengan kelulusan Bank Negara Malaysia kerana kawalseliaan jenis perniagaan insurans yang berbeza;
- (b) kecuali dengan kelulusan daripada Bank Negara Malaysia, pemegang lesen tidak boleh menjalankan aktiviti bukan insurans. Ini untuk mengelakkan masalah yang timbul daripada pengeluaran jaminan kewangan oleh penanggung insurans;
- (c) pemegang lesen hendaklah menguruskan perniagaan berlesennya secara eksklusif dan tidaklah boleh membenarkan

mana-mana bahagian perniagaan berlesennya diuruskan oleh orang lain; dan

- (d) untuk membenarkan dua atau lebih penanggung insurans untuk menanggung insurans bersama, seperti Pakatan Insurans Motor Malaysia.

Akta menghendaki penanggung insurans untuk memperolehi kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia untuk menubuhkan cawangannya di dalam Malaysia. Namun demikian, Akta tidak memberi takrifan bagi perkataan “cawangan”. Ini menyebabkan ramai penanggung insurans menubuhkan berbagai-bagai pejabat di Malaysia yang dikenali dengan pelbagai nama seperti pejabat perwakilan, pejabat perkhidmatan dan pejabat agensi tanpa memperolehi kelulusan Bank Negara Malaysia terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keadaan seperti ini, adalah dicadangkan di dalam rang undang-undang supaya kelulusan terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia diperlukan sebelum pemegang lesen menubuhkan sebarang pejabat di dalam atau di luar Malaysia dan dengan perkataan “pejabat” ditakrifkan untuk merangkumi semua jenis pejabat perniagaan pemegang lesen. Pemegang lesen yang diperbadankan di dalam Malaysia juga dikehendaki mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia sebelum menubuhkan atau memperolehi apa-apa subsidiari di dalam atau di luar Malaysia. Perkara-perkara ini adalah dihuraikan di Bahagian III.

Adalah dicadangkan di dalam Bahagian IV rang undang-undang supaya Bank Negara Malaysia dibenarkan untuk menetapkan menerusi peraturan-peraturan jumlah serta cara margin kesolvenan harus diselenggarakan. Dalam hubungan ini adalah dicadangkan margin kesolvenan penanggung insurans dinaikkan bagi memberi perlindungan yang lebih kepada pemunya polisi.

Selain daripada itu, rang undang-undang juga memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengambil tindakan tertentu ke atas penanggung insurans yang gagal atau tidak berupaya untuk memenuhi keperluan margin kesolvenan.

Adalah tidak boleh dinafikan bahawa kesolvensi seorang penanggung insurans adalah secara langsung berkait dengan polisi pelaburan penanggung insurans pernah timbul suatu keadaan di mana beberapa orang penanggung insurans telah melabur sebahagian besar jumlah aset mereka dalam hartanah dan saham syarikat tertentu yang disenaraikan atau tidak disenaraikan.

Amalan ini adalah tidak sihat kerana akan menyebabkan sesuatu portfolio pelaburan penanggung insurans menjadi tidak seimbang dan akan menjejaskan kebolehannya untuk menanggung tuntutan sebenar masa hadapan yang boleh wujud di bawah kontrak yang sedia ada dan akan datang.

Oleh kerana itu adalah dicadangkan supaya rang undang-undang antara lain memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk menetapkan menerusi peraturan-peraturan, cara dan di mana aset seorang penanggung insurans itu

harus disenggarakan serta asas penilaian aset dan liabiliti. Penanggung insurans juga dikehendaki untuk memegang aset diakui, dengan izin, admitted, yang nilainya tidak kurang daripada jumlah liabiliti kumpulan wang insurans dan margin kesolvenan.

Bahagian V memperkatakan mengenai arahan dan kawalan ke atas penanggung insurans yang ingkar. Bahagian ini memperuntukkan satu sistem amaran awal yang mana lembaga pengarah seseorang penanggung insurans diwajibkan untuk membuat laporan kepada Bank Negara Malaysia dengan seberapa segera yang mungkin sekiranya aset penanggung insurans yang sedia ada hanya cukup untuk menampung margin kesolvenan. Peruntukan ini diperluaskan lagi di mana penanggung insurans dikehendaki untuk mengemukakan suatu rancangan perniagaan untuk memulihkan semula margin kesolvenannya. Sistem ini diharap akan membantu mengatasi masalah-masalah yang timbul sebelum penanggung insurans berkenaan menjadi tidak solven.

Selanjutnya adalah dicadangkan supaya Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk mengambil tindakan tertentu jika seseorang penanggung insurans itu beroperasi dalam cara yang tidak wajar, melanggar apa-apa peruntukan rang undang-undang ini atau syarat lesennya ataupun pengarah atau pegawainya bertindak dalam cara yang menimbulkan percanggahan dengan pelaksanaan tugasnya atau menjalankan hal ehwal penanggung insurans berlesen itu bagi

kepentingan diri sendiri atau dengan cara yang memudaratkan kepentingan penanggung insurans berlesen itu.

Bahagian VI rang undang-undang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh memasuki sebarang perjanjian untuk memperolehi atau melupuskan sebarang kepentingan dalam syer pemegang lesen atau pengawal sekiranya ia dilakukan, ia akan memperolehi atau melupuskan agregat kepentingan syer melebihi 5% daripada syer pemegang lesen tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan dalam hal penanggung insurans dan daripada Bank Negara Malaysia dalam hal broker insurans atau ajuster.

Satu peruntukan baru juga dimasukkan menghendaki pemegang syer untuk mendedahkan nama pemunya beneficial share mengundi yang dipegang olehnya kepada pemegang lesen. Akta tidak menghadkan pemegang bersilang dalam penanggung insurans, broker insurans atau ajuster. Untuk mencegah timbulnya keadaan percanggahan kepentingan akibat pemegangan bersilang, rang undang-undang memperuntukkan bahawa tiada pemegang lesen boleh memegang lebih daripada 5% syer pemegang lesen yang lain yang diperbadankan di dalam Malaysia tanpa memperolehi kelulusan daripada Bank Negara Malaysia terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, penanggung insurans berlesen boleh memegang kepentingan dalam syer penanggung insurans

berlesen yang lain jika perniagaan yang dijalankan adalah dua kelas perniagaan insurans yang berbeza.

Selain daripada mengawal keadaan kewangan penanggung insurans, Bank Negara Malaysia perlu memastikan bahawa penanggung insurans adalah dikawal dan diuruskan oleh kakitangan yang dianggap layak dan sesuai, dengan izin, fit and proper person. Peruntukan-peruntukan akta berhubungan dengan perlantikan pengarah dan ketua pegawai eksekutif penanggung insurans adalah diluaskan dan digabungkan di bawah rang undang-undang dengan tujuan berikut:-

- (a) melanjutkan keperluan tersebut kepada broker insurans dan ajuster;
- (b) membolehkan Bank Negara Malaysia menetapkan melalui peraturan-peraturan kriteria minimum orang yang layak dan sesuai berkaitan dengan perlantikan ketua pegawai eksekutif, pengarah atau pengurus seseorang pemegang lesen;
- (c) memudahkan prosedur berkaitan dengan permohonan untuk perlantikan ketua pegawai eksekutif, pengarah atau pengurus; dan
- (d) memperuntukkan keadaan di mana ketua pegawai eksekutif, pengarah, pengurus, setiausaha atau pekerja lain

yang terlibat dalam pengurusan pemegang lesen hilang kelayakan dalam memegang jawatan mereka yang sedia ada.

Untuk meletakkan tanggungjawab yang lebih berat ke atas juruaudit, terutamanya berkaitan dengan sijil tahunan ke atas akaun-akaun, rang undang-undang memperuntukkan supaya pemegang lesen memperolehi kelulusan terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia setiap tahun untuk perlantikan juruaudit seperti yang didapati dalam ABIK, menentukan syarat-syarat perlu bagi kelayakan seseorang juruaudit dan menghendaki juruaudit untuk memaklumkan kepada Bank Negara Malaysia dengan segera sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh pemegang lesen, salah aturan atau kemungkinan ketidakpatuhan ke atas margin kesolvenan minimum penanggung insurans. Peruntukan sedemikian adalah terkandung dalam Bahagian VII rang undang-undang.

Bahagian VII juga mengadakan peruntukan berhubungan dengan perlantikan seorang aktuari dan tanggungjawabnya untuk mengawal secara berterusan keadaan kewangan penanggung insurans hayat untuk memastikan perniagaan insurans hayat dijalankan menurut asas kewangan yang kukuh. Tanggungjawab aktuari yang dilantik adalah untuk menyelia keadaan kewangan seseorang penanggung insurans hayat dan menilai kesan tindakan pihak pengurusan bagi memastikan keadaan kewangan penanggung insurans itu

berada dalam keadaan sihat. Pemegang lesen, pengarah, pegawai atau pekerjanya adalah dikehendaki untuk mengemukakan kepada juruaudit atau aktuari yang dilantik apa-apa maklumat yang perlu bagi membolehkan juruaudit atau aktuari tersebut melaksanakan tugas-tugasnya. Perubahan-perubahan tertentu akan diperkenalkan dalam rang undang-undang bagi tujuan pemerolehan maklumat yang lebih komprehensif mengenai keadaan kewangan dan hal-hal operasi penanggung insurans.

Adalah dicadangkan supaya Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk menghendaki penanggung insurans yang bermasalah atau sebarang penanggung insurans lain yang didapati perlu, untuk mendapatkan terlebih dahulu kelulusan Bank Negara Malaysia secara bertulis ke atas akaun-akaunnya sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau menerbitkannya. Cadangan ini akan membolehkan Bank Negara Malaysia menghendaki penanggung insurans tertentu untuk membuat perubahan yang sesuai dalam akaunnya supaya akaun itu mencerminkan kedudukan kewangan yang benar dan tepat.

Bank Negara Malaysia juga diberi kuasa menghendaki seorang penanggung insurans am untuk mendapatkan suatu penilaian mengenai liabilitinya berkaitan dengan tuntutan yang ditanggung tetapi belum dilaporkan daripada seorang aktuari yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Beberapa langkah juga telah diambil bagi memperkemaskan akaun-akaun pemegang lesen supaya ia mencerminkan keadaan kewangan sebenar pemegang lesen. Ini meliputi pengenalan standard perakaunan dan penetapan tugas-tugas dan tanggungjawab juruaudit serta aktuari yang dilantik ke atas pemegang lesen.

Bahagian-bahagian VII dan IX menggariskan kuasa Bank Negara Malaysia berhubung dengan penyiasatan, penggelidahan dan penyitaan. Sehubungan itu, peruntukan bersabit dengan kuasa-kuasa tersebut di bawah ABIK dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini, sebagaimana dalam ABIK kuasa seorang pegawai penyiasat termasuklah kuasa memasuki, menggelidahkan premis, memeriksa orang, menyita, menahan seseorang pesalah tidak lebih daripada 24 jam pada sesuatu masa dan memeriksa seseorang yang disyaki dan dipercayai oleh pegawai penyiasat sebagai mempunyai pengetahuan berkenaan dengan fakta-fakta atas kesalahan yang disyaki. Maklumat yang diperolehi oleh seorang pegawai penyiasat boleh didedahkan kepada polis atau pegawai awam lain. Kuasa ini adalah sama seperti kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai Hasil Dalam Negeri, Kastam dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam mentadbir dan menguatkuasakan perundangan masing-masing.

Bahagian X di antara lain memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal penggulungan penanggung insurans hayat dan am, yang

antaranya meliputi prosedur penggulungan perlantikan pelikuidasi atau pelikuidasi sementara dan saraan pelikuidasi.

Bahagian XI Rang Undang-undang membuat peruntukan mengenai pemindahan perniagaan perniagaan insurans sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dalam cara yang memberi perlindungan kepada kepentingan pemunya polisi. Peranan Bank Negara Malaysia dalam meluluskan skim pemindahan perniagaan insurans ini dibuat dengan lebih jelas.

Rang Undang-undang menghendaki kelulusan Bank Negara Malaysia di perolehi oleh penanggung insurans am berlesen sebelum ia menerima pakai tarif kadar premium atau terma dan syarat polisi untuk apa-apa perihal polisi am. Bank Negara Malaysia juga diberi kuasa untuk menghendaki seorang penanggung insurans atau sebuah persatuan penanggung insurans am atau hayat berlesen untuk menyemak semula kadar premium suatu polisi insurans hayat atau am. Untuk mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh benefisiari pemunya polisi yang telah meninggal dunia dan dengan mengambil pertimbangan kelewatan penanggung insurans dalam membayar tuntutan insurans kepada benefisiari, Rang undang-undang memperuntukkan supaya faedah kompaun sebanyak 4% setahun akan dibayar oleh penanggung insurans atas tuntutan insurans polisi hayat atau polisi kemalangan diri yang lewat dibayar selepas tempoh 60 hari tamat daripada tarikh penerimaan tuntutan sehingga tarikh pembayaran tuntutan dibuat.

Peruntukan-peruntukan tersebut dan lain-lain peruntukan berhubung dengan polisi insurans adalah dihuraikan di Bahagian XII.

Bahagian XIII Rang Undang-undang mengandungi peruntukan berhubung dengan pembayaran wang polisi insurans hayat atau kemalangan diri. Tujuan utama peruntukan ini adalah untuk membolehkan penanggung insurans membayar tuntutan insurans ke atas polisi-polisi berkenaan dengan segera. Peruntukan khas dibuat bagi menyegerakan bayaran tuntutan dalam kes-kes tiada penamaan di buat atas polisi, orang yang menerima wang tuntutan polisi hayat atau kemalangan diri, kecuali suami atau isteri, anak atau ibu bapa. Bagi pemunya polisi yang belum kahwin, hendaklah menerimanya sebagai wasi kepada harta pusaka pemegang polisi hayat dan bukan sebagai benefisiari dan hendaklah membahagikan wang polisi ini sama ada mengikut wasiat simati atau undang-undang pentadbiran pembahagian harta pesaka simati.

Bagi seorang penuntut yang beragama Islam, wang polisi yang diterima itu hendaklah dibahagikan mengikut undang-undang Islam, sama ada atau tidak suatu penamaan dibuat atas polisi. Polisi yang diserahkan dan disandarkan mempunyai keutamaan dalam menerima bayaran tuntutan insurans.

Bahagian XVII, memperkatakan tentang kesalahan di bawah Rang Undang-undang. Adalah diperlu dimaklumkan bahawa kecuali peruntukan yang diperkenalkan melalui Akta Insurans (Pindaan) 1991 yang membawa kepada

denda maksimum sebanyak RM5 juta dan penjara tidak melebihi 5 tahun. Penalti-penalti lain di bawah Akta adalah antara RM2,000 hingga RM20,000 dan secara amnya tidak mencerminkan keberatan kesalahan yang telah dilakukan.

Adalah juga dicadangkan supaya mana-mana pengarah dan pegawai pemegang lesen yang tidak berhati-hati bagi menghalang berlakunya sesuatu kesalahan juga bertanggungjawab ke atas segala ketidakpatuhan ke atas Akta dan selanjutnya dikenakan penalti yang serupa. Selaras dengan itu rang undang-undang akan:

- (a) menambahkan penalti ke atas kesalahan supaya selaras dengan kesalahan serius yang telah dilakukan;
- (b) menambahkan tempoh hukuman penjara minimum kepada sekurang-kurangnya setahun;
- (c) menjadikan setiap kesalahan sebagai kesalahan boleh ditangkap;
- (d) menggabungkan peruntukan-peruntukan di bawah seksen 39(a) dan Peraturan-peraturan Insurans (Kuasa Mengkompaun, 1979); dan
- (e) memperuntukkan supaya 50% daripada amaun yang dikutip sebagai denda kompaun dimasukkan ke dalam kumpulan wang skim jaminan insurans. Tujuan kumpulan wang

tersebut adalah untuk menampung liabiliti mana-mana penanggung insurans tidak solven kepada mana-mana pemegang polisi atau orang yang berhak melaluinya atau mana-mana pihak menuntut yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan lain yang terdapat rang undang-undang itu secara keseluruhan mengandungi peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Akta Insurans 1963. Walau bagaimanapun kebanyakan peruntukan-peruntukan itu telah disusun semula, diperkemas dan dihuraikan dengan lebih jelas bagi menyesuaikan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam sistem kewangan negara. Kewujudan Akta baru ini akan memansuhkan Akta Insurans 1963 yang sedia ada - Life Assurance Companies (Compulsory Liquidation) Act 1962 dan Life Assurances Companies (Compulsory Winding Up) Rules 1963 yang dibuat di bawah Rules Committee Ordinance 1955 dan diterbitkan sebagai L.N.250 pada 26 September, 1963. Rang undang-undang ini adalah perlu untuk memastikan pengawalseliaan pemegang lesen yang lebih berkesan dan penguatkuasaan disiplin kewangan yang lebih ketat dalam industri insurans. Langkah-langkah ini bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan yang komprehensif untuk melindungi kepentingan pemunya polisi dan orang awam akan meningkatkan imej industri insurans pada kaca mata orang awam.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan membolehkan insurans tumbuh seimbang dengan institusi kewangan lain di dalam memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan insurans, perniagaan pembrokeran insurans dan perniagaan pengajusteran dan bagi maksud lain yang berhubungan dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Batu Pahat.

6.10 ptg.

Tuan Haji Mansor bin Masikon [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Insurans 1996. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah dapat mengemukakan Rang Undang-undang yang baru ini iaitu Rang Undang-undang Insurans 1996 bagi menggantikan Rang Undang-undang Insurans 1963. Setelah 33 tahun Rang Undang-undang yang lama berkuatkuasa dan melewati berbagai-bagai pindaan, akhirnya akan dijatuhkan “talak tiga” dan

tidak akan dirujuk walaupun dengan cara “Cina Buta” sekalipun. Bagi makluman Ahli Dewan yang bukan beragama Islam, termasuklah Timbalan Menteri Kewangan, istilah “Cina Buta” di dalam talak tiga ini ialah talak satu boleh kita rujuk dan bersama kembali dengan suami isteri, begitu juga dengan talak dua. Tapi talak tiga isteri yang kena talak itu kena kahwin dengan orang lain dahulu, kemudian cerai dengan suami itu baru boleh dengan suami yang asal, itu dipanggil Cina Buta. Bukan.....

Dato’ Haji Badruddin bin Amirudin [Yan]: Penjelasan [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato’ Haji Badruddin bin Amirudin: Penjelasan, saya minta sedikit, adakah maksud bila kahwin dengan orang lain itu dia mesti kahwin dengan Cina yang buta ataupun orang yang buta? Jadi, macamana Yang Berhormat?

Tuan Haji Mansor bin Masikon: Saya nak perjelaskan selepas inilah. Bukan kena cari Cina buta untuk kahwin dengan isteri yang kena cerai. Sekarang kita nak cari Cina butapun dah tak ada, tak banyak, sebab taraf kesihatan negara kita sudah baik, dan kalaupun ada Cina buta kerana kemalangan, mungkin dia seorang Cina buta yang kaya. Kerana mendapat pampasan daripada perlindungan insurans kmalangan, yang diambil. [*Ketawa*] Tapi kalau dah buta, nak mengambil polisi untuk melindungi kebutaan, itu tidak dibolehkan dalam insurans kmalangan. Dan Cina buta kaya ini pun, mungkin tidak mahu kahwin dengan janda yang telah berkahwin 33 tahun. Kerana umur

janda ini mungkin sudah 55 tahun, dan kalau berada di dalam perkhidmatan kerajaan pun dah pencen 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, perpisahan selalunya membawa kesedihan tetapi ada kalanya perpisahan itu membawa kebahagiaan. Saya meminjam kata-kata Yang Berbahagia Dato' Mohamad Noor Azam, Pengerusi Dato' Keramat Holdings yang tersiar di dalam akbar baru-baru ini. Apabila beliau menjual kepentingannya di dalam United Malayan Banking Corporation Berhad, yang dibelinya dengan harga RM600 juta dan dijual kepada Sime Darby dengan harga RM1.3 bilion tunai. UMBC Bank juga mempunyai kepentingan di dalam UMBC Insurance Berhad. Jadi, kalau saya dapat buat bagitu, saya pun bahagia seperti juga Yang Berbahagia Dato' Mohamad Noor Azam.

Perpisahan kita dengan Akta Insurans 1963 juga, satu perpisahan yang membawa kebahagiaan, kerana penggantinya iaitu Akta Insurans 1996 yang kita bahaskan ini, dan insya Allah akan kita luluskan, adalah bertujuan agar industri insurans negara kita ini, kukuh dan berkembang, setanding dengan lain-lain institusi kewangan dan dengan itu dapat memenuhi peranannya di dalam ekonomi negara yang kian lama bertambah mantap. Oleh kerana industri insurans ini kita anggap penting dan sumbangannya besar terhadap perkembangan ekonomi negara, maka satu rangka perundangan, penyeliaan dan pengawalan yang ketat perlu ada. Dalam pada itu juga kita perlu memastikan penanggung-penanggung insurans dan insurans semula lebih bertanggung-

jawab terhadap kumpulan wang orang ramai. Kedudukan kewangan syarikat-syarikat insurans, dan insurans semula juga perlu kukuh, supaya dapat memberi kepercayaan ataupun 'confidence' dengan izin kepada orang ramai dan memberi perkhidmatan insurans yang luas kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti rang undang-undang ini, saya berpuas hati dan percaya industri insurans selepas ini akan lebih kukuh, lebih inovatif dan berkembang. Saya percaya juga ianya akan menjadi satu landasan yang kukuh bagi membolehkan Malaysia menjadi pusat pasaran insurans bagi rantau ini iaitu rantau ASEAN dan Asia. Kita mempunyai banyak advantage, jika dibandingkan dengan Singapura, yang sekarang ini memainkan peranan itu.

Sebagai pasaran insurans yang terbesar di ASEAN dan usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, perancangan hendaklah dibuat supaya peluang tidak terlepas kepada orang lain. Kekuatan yang ada pada kita, dan kepakaran yang kita bina dan dapati setakat ini hendaklah kita gunakan sepenuhnya supaya kita tidak hanya menjadi exporter of the insurance premium tetapi kita juga mahu menjadi importer of the insurance premium yang lebih besar. Dengan itu juga kita akan membantu kerajaan dalam mempertingkatkan pendapatan wang asing selain dari melalui pelancongan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sudah terbukti dengan jelas industri insurans kita berkembang dengan begitu cepat sekali sejak sedekad kebelakangan ini. Umpamanya pendapatan premium kasar bagi insurans am iaitu bukan insurans nyawa bagi tahun 1983, hanya berjumlah RM1.5 billion. Tapi pada akhir tahun 1994, ianya sudah meningkat kepada angka RM5 bilion melebihi 3 kali ganda dalam masa 10 tahun. Bagitu juga dengan perniagaan insurans nyawa, pada tahun 1994, polisi baru yang dikeluarkan berjumlah RM62 bilion berbanding hanya RM8 bilion pada tahun 1983, iaitu meningkat lebih 8 kali ganda dalam masa 10 tahun. Pendapatan premium bagi kedua-dua sektor insurans iaitu nyawa dan am bagi tahun 1996, dijangka mencapai RM7.8 billion iaitu lebih kurang 3.8 peratus daripada keluaran negara kasar (KNK).

Sungguhpun perkembangan industri ini meningkat cepat tetapi secara relatifnya adalah masih rendah. Ini menunjukkan bahawa industri insurans mempunyai potensi besar dalam memainkan peranannya sebagai penggembleng tabungan negara dan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Saya pasti angka-angka yang saya sebutkan tadi akan menjadi angka-angka yang mengagumkan dalam 10 atau 20 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu industri insurans perlu diletakkan di atas asas-asas yang lebih kukuh, kelemahan-kelemahan struktur perlu di atasi segera. Sejak kawal seliaannya diletakkan di bawah Bank Negara mulai tahun 1988, banyak kelemahan sudah dibaiki dan langkah-langkah sudah diambil

supaya yang sudah berlaku tidak berulang lagi. Sebagai memetik kata-kata Yang Berhormat Menteri Kewangan, jangan pisang berbuah dua kali.

Pada Belanjawan negara yang baru lepas, kita diberitahu, negara mengalami defisit akaun semasa sebanyak RM18.1 bilion dan salah satu penyumbang kepada defisit ini ialah pengaliran keluar premium insurans semula. Kadar pengaliran ini ialah RM1.1 bilion tahun 1994, dan 1995 dijangka sebanyak RM1.2 bilion. Langkah-langkah bagi menyekat pengaliran ini perlu dirancang dengan lebih profesional. Sungguhpun kita sudah mempunyai satu syarikat insurans semula tempatan iaitu MNRB dan kita telah tubuhkan Labuan International re-Insurance dengan modal berbayar sebanyak US200 juta dollar. Pengaliran ini masih meningkat dan berterusan.

Memanglah kita tidak boleh bendung seratus-peratus, walaupun kita tubuhkan suatu syarikat insurans semula dengan modal berbayar US1 bilion seperti Arab Reinsurance Group (ARIG) di Bahrain. Jadi, langkah-langkah memberi lesen kepada syarikat-syarikat insuran semula antarabangsa seperti Gerling, GIO dan Hannores Re - dan saya difahamkan ada beberapa lagi yang akan diberikan - walaupun pada pandangan kasar kita ada meritnya, tetapi mereka inilah akhirnya yang akan menjadi ajen kepada pengaliran yang lebih besar. Yang sepatutnya struktur pasaran insurans dan insurans semula tempatan diperbetulkan dahulu. Sesudah kita ada syarikat-syarikat insurans yang kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Yan bagun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua cuma saya ambil masa saya ingin hendak memberi pandangan sedikit fasal Yang Berhormat pun arif tentang insurans, jadi hari ini Tuan Yang di-Pertua, banyak insuran nyawa, insuran kemalangan, insurans kebakaran dan berbagai-bagai insurans yang ada sekarang ini, tetapi saya belum dapat melihat sama ada insurans pertanian di introduce dalam pasaran di Malaysia kerana bagi pandangan sayalah baru ini kalau kita tengok dalam akhbar dan TV3, 20 ekor lembu kawan itu mati, jadi kalau 20 ekor, kalau seekor 1 ribu, sudah ada 20 ribu, jadi bagi kasihan pada dia, kerana tersilap makan racun apa semua. Begitu juga dengan padi, kadang-kadang orang tanam padi, Tuan Yang di-Pertua, kemudian 'kutu beruang' makan pokok padi. Kutu beruang, jenis ular, dia serang pokok padi, jadi ini akan mengalami kerugian kepada penanam dan sebagainya, jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan ataupun supaya kita adakan insurans pertanian dan merangkumi segala jenis di bawah pertanianlah, tidak semestinya macam insurans ikan pun Tuan Yang di-Pertua, baru ini kolam di Tapah, ikan mati, di Pahang, ikan mati kerana tak tahulah termakan racun atau tersilap air atau macam mana, jadi adakah ini baik untuk orang-orang yang berusaha di peringkat bawah terima kasih.

Tuan Mansor bin Masikon: Terima kasih Yang Berhormat daripada Yan, sepatutnya beliau ini menjadi Pengerusi Syarikat Insurans, tak menjadi Pengerusi FAMA agaknya. Sebenarnya memang sudah ada polisi-polisi live stock dan juga pertanian ini mungkin kita tidak pasarkan dengan secara meluas tapi insya-Allah kita akan cadangkan supaya produk-produk seperti ini dipasarkan secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus ada syarikat-syarikat insuran semula tempatan yang seimbang. Saya berpendapat kita patut mengadakan 5 atau 6 lagi syarikat insuran semula tempatan supaya kita dapat adakan pembendungan yang lebih selain daripada itu kita juga dapat membina kepakaran dalam bidang ini dan menggunakan kekuatan pasaran kita untuk menarik masuk premium daripada luar negara, dengan ini walaupun ada pengaliran keluar akan ada juga pengaliran masuk iaitu perniagaan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat juga kita jangan terlalu mudah membuka pintu kita dan memberi lesen-lesen kepada syarikat-syarikat insurans semula antarabangsa ini kerana akhirnya ia akan merugikan kita. Saya difahamkan 6 lesen sudah dikeluarkan dan ada beberapa lesen lagi yang akan diluluskan. Negara-negara lain tidak semudah ini untuk mengeluarkan lesen-lesen insurans semula contohnya Jepun dan Korea dan lain-lain tidak semudah itu untuk mengeluarkan lesen-lesen insurans semula yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai tarif insurans motor iaitu tarif yang dipakai sekarang sudah tidak sesuai lagi ia diperkenalkan 30 tahun yang lalu. Satu sistem tarif yang baru perlu diadakan. Saya membawa perkara ini ialah kerana berjuta rakyat Malaysia terlibat di dalam insurans motor ini. Pada masa ini jumlah premium insurans motor ialah 2 billion ringgit atau 40% daripada jumlah premium kasar insurans am negara yang berjumlah 5 billion ringgit. Kepada syarikat insurans perniagaan insurans ini tidak menguntungkan dan ia diniagakan semata-mata kerana cash flow dengan izin. Tarif yang ada sekarang ini tidak equitableikutible yang patut bayar premium tinggi tidak dikenakan yang tinggi dan patut bayar kadar yang rendah tidak mendapat faedahnya. Jadi jika satu sistem tarif yang saintifik boleh diadakan seperti yang dipakai di England umpamanya banyak masalah boleh kita selesaikan. Anggapan jika kita perkenalkan satu tarif baru orang ramai akan menentang atau akan ada adverse implications dengan izin adalah tidak tepat bahkan saya percaya ia akan mendapat sokongan semua pihak kerana usaha-usaha murni kerajaan seperti di dalam negara ini akan disambut oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini juga saya ingin menyentuh mengenai ada beberapa syarikat insurans asing yang belum disusun semula, ada lebih kurang 8 syarikat asing yang belum disusun semula dan saya berharap kerajaan tidak melenggang-melenggang lagi perkara ini. Industri

insurans di Malaysia makin bertambah baik dan untung oleh itu kelewatan kerajaan di dalam menyusun semula akan merugikan kita. Inilah satu daripada beban penjajahan yang kita pikul. Dulu lesen-lesen kita beri percuma, bila nak susun semula dia naik harga mahal, ini kita serahkan kepada kebijaksanaan Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Negara untuk mencari penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat juga sudah sampai masanya kerajaan membuat kajian supaya menginsuranskan harta ataupun aset-aset kerajaan dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang jumlahnya lebih kurang 800,000 orang, ini akan menguntungkan kerajaan dan swasta. Pegawai-pegawai kerajaan beragama Islam sudah tidak payah was-was lagi dengan insurans kerana kita ada Takaful dan sekarang ada Takaful MNI. Dan saya rasa orang-orang di PAS tak payah was-was lagi dan oleh sebab itu Semangat 46 pun hendak masuk UMNO juga.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan bahawa kerajaan “should adopt self insurance attitude” amat tidak menguntungkan bahkan merugikan jika sekiranya umpamanya Kementerian Pertahanan menginsuranskan jet-jet pejuangnya atau kapal-kapal laut maka jika jet-jet pejuang itu jatuh sebagaimana yang berlaku beberapa ketika dahulu Kementerian Pertahanan tidak perlu meminta peruntukan daripada kerajaan untuk membeli jet-jet baru bahkan mereka akan dapat pampasan daripada syarikat-syarikat insuran untuk

mengganti jet-jet yang jatuh. Ini juga boleh dilakukan di eset-eset kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, ini bakal menteri insurans, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan kerajaan mencadangkan supaya kerajaan mengadakan insurans dan kepada pegawai-pegawai kerajaan, saya amat bersetuju Tuan Yang di-Pertua, kerana kadang-kadang mereka accident, kemalangan, dia paralyse dan sebagai ganjaran itu tidak seberapa, merana seumur hidup, cuma satu tadi Yang Berhormat kata kerajaan insuranskan jet-jet, tapi yang membawa jet itu tidak ada insurans jadi yang ini saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat itu supaya pilot-pilot yang membawa jet sekali kena insurans, fasal kalau kapal terbang jatuh, Tuan Yang di-Pertua, kapal dan pilot- pilot sekali jatuh, bukan pilot tak jatuh, kapal terbang jatuh, sekali dua-dua, jadi Yang Berhormat bersetuju tak?.

Tuan Mansor bin Masikon: Tadi saya sudah katakan, patutnya Yang Berhormat menjadi Chairman Insurance Company, jadi saya memang setuju, sepatutnya kerajaan mengambil attitude yang positif dengan izin supaya kita dapat menginsuranskan semua bukan sahaja harta-harta tetapi juga pegawai-pegawai kerajaan termasuklah askar-askar dan sebagainya, tapi saya diberitahu MP pun sudah ada insurans, belum ada, kalau belum ada kita recommen.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat ada yang bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua minta jalan dari Yang Berhormat dari Batu Pahat, tadi saya baru hendak ingatkan Yang Berhormat dari Batu Pahat, sama ada dia pun bersetuju bahawa kerajaan pun ada ambil polisi insurans pada nyawa-nyawa Wakil-wakil Rakyat terutama sekali Yang Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, kerana kita semua Wakil-wakil Rakyat selalu sibuk ke sini sibuk ke sana memandu dengan laju..

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa hari ini sudah pun cukup, Yang Berhormat boleh sambung besok.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Kutipan Tol Di Jalan Kuching Perlu Dihentikan Serta Merta Setelah Tamat Tempoh Kutipannya Mengikut Dalam Perjanjian.

6.30 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, melanjutkan tempoh kutipan tol di Jalan Kuching bukan sahaja tidak praktikal, malah tidak logik sama sekali. Maka saya berpendapat bahawa Syarikat Kamunting Sdn. Bhd. mestilah memberhentikan dengan serta merta kutipan di Plaza Tol di Jalan Kuching. Saya hendak pandangan ataupun pendapat kerajaan, sila jawab dengan tepatnya.

Dato' Hon Choon Kim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bangun, hendak apa Yang Berhormat?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana nampaknya kurang korum sekali lagi.

Tuan Liew Ah Kim: Saya sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Setiausaha, saya mita kira.

[Loceng dibunyikan. Ahli-ahli dikira - Kurang daripada 26 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampaknya korum tak cukup, Yang Berhormat. Kita kena tangguhkan mesyuarat pada hari ini dan disambung pada hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.

